SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

Menggalakkan Persaingan, Melindungi Anda

*Promoting Competition, Protecting You*



# Laporan Tahun 2016 *Annual Report*

# Rasional Muka Depan



Mangkuk gelas lut sinar menggambarkan pasaran yang adil dan telus, manakala tumbuhan hijau yang membesar melambangkan para pengguna dan perniagaan yang berkembang dalam pasaran yang adil. Kedua-dua tangan yang memegang serta melindungi mangkuk gelas lut sinar melambangkan peranan MyCC sebagai pelindung dan peneraju yang komited dalam memacu inovasi, menggalakkan persaingan dan melindungi para pengguna dan perniagaan.

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ditubuhkan pada tahun 2011 bagi menggalakkan persaingan serta melindungi proses persaingan demi kebaikan para pengguna dan perniagaan. Matlamat utamanya adalah untuk pembangunan ekonomi negara melalui penguatkuasaan undang-undang persaingan bagi memastikan pasaran yang sihat untuk manfaat semua. Selepas enam tahun yang mencabar, MyCC kini dapat mewujudkan budaya persaingan yang kondusif di Malaysia, sebagaimana yang jelas digambarkan pada imej muka depan.



ACTION
MANAGEMENT
VISION
IDEAS
GLOBAL
CONCEPTS
MOTIVATION
INNOVATION
STRATEGY
BUSINESS
CONCEPTS
TEAMWORK
CONNECT
STOCK MARKET
EFFICIENCY
MARKETING
COMMUNICATION
SUCCESS
ACCOUNTING
STRATEGY
BRANDING
SECURITY
ANALYSIS
PLANNING
INNOVATION
TEAM
INTERNATIONAL
SUCCESS
PLANS
GLOBAL
PROFIT
SALES
DEVELOPMENT
GROWTH
FUTURE

# Kandungan


04-05 Perutusan Menteri

06-07 Prakata Pengerusi

08-09 Prakata Ketua Pegawai Eksekutif

Pengenalan

10 *Visi dan Misi*

11 *Pengurusan Eksekutif dan Struktur Organisasi*

12-19 *Anggota-anggota Suruhanjaya*

20-21 Akta Persaingan 2010

22-23 Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

24-25 Peristiwa Penting Sejak Penubuhan MyCC




**Pencapaian Tahun 2016**

26-27 *Aktiviti Penguatkuasaan*

28-31 *Program Advokasi*

32-33 *Program Bina Upaya di Peringkat Antarabangsa*

34 *Mesyuarat Antarabangsa*

35 *Lawatan Kerja ke MyCC*

36-37 *Kajian Pasaran*

38 *Promosi dan Perhubungan Awam*

39-43 **Berita MyCC**

44-68 **Penyata Kewangan**

69 **Versi Bahasa Inggeris**




# PERUTUSAN
## Menteri



*"Berdasarkan 'World Economic Forum's Global Competitiveness Report 2016 - 2017', Malaysia berada di kedudukan ke-25 bagi negara yang paling berdaya saing di antara 138 negara di seluruh dunia."*

Kerajaan Malaysia telah mencipta sejarah apabila Akta Persaingan 2010 (AP 2010) diluluskan di Parlimen Malaysia pada bulan April 2010 untuk mewujudkan dan mengekalkan persekitaran perniagaan yang sihat di dalam negara. Setelah lima tahun, adalah amat memuaskan untuk menyaksikan usaha-usaha Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dalam menguatkuasakan AP 2010 telah memberi impak yang tinggi kepada semua pihak yang terlibat dalam perniagaan, terutamanya di Malaysia. Semua perusahaan, sama ada bersaiz besar atau kecil, kini lebih sedar mengenai tanggungjawab mereka untuk mematuhi AP 2010.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bertanggungjawab untuk memastikan bahawa para pengguna dilindungi, dan pada masa yang sama, memudahkan perniagaan-perniagaan untuk beroperasi di Malaysia. Undang-undang persaingan dalam negara memainkan peranan yang besar dalam mencapai matlamat ini dengan menjamin persekitaran yang kondusif untuk semua pihak.

Malaysia kekal sebagai salah satu peneraju ekonomi di rantau Asia Tenggara, seperti yang terbukti melalui beberapa pengiktirafan antarabangsa yang dianugerahkan kepadanya. Berdasarkan `*World Economic Forum's Global Competitiveness Report 2016 - 2017*', Malaysia berada di kedudukan ke-25 bagi negara yang paling berdaya saing di antara 138 negara di seluruh dunia. Malaysia juga berada pada kedudukan ke-22 di hadapan negara-negara Asia yang lain seperti Jepun, Thailand, China, Vietnam dan Indonesia, dalam laporan `*Ease of Doing Business 2016 Report*' terbitan World Bank.

Persaingan akan menggalakkan pasaran yang lebih sihat dan mendorong pertumbuhan ekonomi. Adalah diharapkan bahawa dengan pasaran yang lebih terbuka dan berdaya saing, syarikat-syarikat Malaysia akan menjadi lebih cekap dan inovatif dalam memenuhi keperluan pengguna. Perniagaan-perniagaan perlu memahami bahawa kelakuan antipersaingan tidak lagi dibenarkan di negara ini, dan penerimaan aktiviti-aktiviti perniagaan yang lebih inovatif dan cekap akan menghasilkan pasaran yang lebih terbuka untuk semua rakyat Malaysia.

Oleh demikian, saya berharap bahawa dengan adanya kesedaran dan pengetahuan mengenai undang-undang persaingan yang telah dikuatkuasakan di Malaysia ini, pasaran tempatan akan menjadi lebih berdaya saing dan sihat untuk memberi manfaat kepada para pengguna dan perniagaan, seterusnya mewujudkan keadaan yang menguntungkan semua pihak, menjadikan Malaysia pasaran yang diingini sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Ini akan menghasilkan ekonomi yang teguh, sihat dan mampan yang akan memberi manfaat yang seimbang kepada negara untuk generasi hari ini dan akan datang.



**YB DATO' SERI HAMZAH ZAINUDIN**
Menteri Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan

# PRAKATA
## Pengerusi



*"Sejak 1 Januari 2012, MyCC telah berjaya menyelesaikan 259 daripada 282 aduan yang diterima daripada orang ramai."*

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah melangkah jauh sejak penubuhannya pada tahun 2011, dalam menghadapi dan mengatasi pelbagai cabaran. Saya gembira melihat pelbagai usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan menghasilkan impak yang ketara terhadap ekonomi negara. Ini menjadi lebih jelas apabila para pengguna dan komuniti perniagaan menyedari peranan MyCC di bawah Akta Persaingan 2010 (AP 2010) dalam mengekalkan pasaran yang adil dan sihat. Tahun 2016 merupakan tahun kelima penguatkuasaan AP 2010 di Malaysia, dengan pelbagai pencapaian telah dikecapi dalam penguatkuasaan, advokasi, kajian pasaran, bina-upaya dan perkongsian pengetahuan.

MyCC bersungguh-sungguh menumpukan tenaganya untuk melaksanakan dan mempromosikan AP 2010 melalui pelbagai aktiviti, keputusan dan perbincangan dengan pihak-pihak berkepentingan. Lima tahun kemudian, dengan pasukan yang lebih ramai dan tanggungjawab yang lebih besar, MyCC memberi penekanan terhadap penguatkuasaan AP 2010 yang berkesan untuk memupuk persekitaran yang berdaya saing dalam landskap perniagaan tempatan. MyCC mengakui bahawa ekonomi yang sihat dan berdaya saing akan menggalakkan prestasi dan inovasi, seterusnya membolehkan ekonomi beroperasi dengan lebih cekap melalui harga yang kompetitif, pilihan yang lebih banyak dan kualiti yang lebih baik. Oleh itu, pelaksanaan undang-undang persaingan amat penting dalam melindungi kebajikan para pengguna bagi menggalakkan persekitaran perniagaan yang berdaya saing.

MyCC sangat komited dalam memudahcara dan melindungi persaingan bagi semua pihak. Impak-impak dan hasil-hasil yang ketara sejak lima tahun lalu, serta perkembangan semasanya, membuktikan komitmennya yang tinggi. Di samping menganjurkan pelbagai program advokasi, MyCC terus memberi tumpuan terhadap penyiasatan, menjadikan penguatkuasaan sebagai satu keutamaan.

Sejak 1 Januari 2012, MyCC telah berjaya menyelesaikan 259 daripada 282 aduan yang diterima daripada orang ramai. Kadar pencapaian yang tinggi dalam menyelesaikan aduan yang merangkumi pelbagai spektrum industri membuktikan kekuatan dan kecekapan MyCC.

MyCC telah mengenakan penalti kewangan melebihi RM2.8 juta terhadap enam perusahaan di atas pelanggaran AP 2010. Pada tahun 2016, keputusan-keputusan telah dikeluarkan oleh MyCC terhadap pembekal perkhidmatan teknologi maklumat kepada industri logistik dan perkapalan di Pulau Pinang, serta empat Pengendali Depoh Kontena kerana terlibat dalam aktiviti-aktiviti kartel harga. Selain itu, satu keputusan telah dikeluarkan terhadap My E.G. Services Berhad kerana telah menyalahgunakan kedudukan dominannya dalam pengeluaran dan pengurusan pembaharuan Pas Lawatan Kerja Sementara atas talian. Di samping penalti-penalti kewangan ini, MyCC juga mengenakan tindakan remedi termasuklah perintah untuk segera berhenti dan menghentikan tindakan mereka.

Pada tahun 2016, MyCC telah terlibat dalam pelbagai program bersama orang awam, agensi-agensi kerajaan, dan persatuan-persatuan peniaga untuk mewujudkan kesedaran dan persepsi terhadap peranan MyCC serta AP 2010. Kerjasama dengan universiti-universiti awam dan swasta juga telah membolehkan MyCC memperkenalkan kursus-kursus baharu mengenai undang-undang persaingan yang dapat membantu para graduan universiti untuk memahami konsep dan memperoleh kemahiran dalam bidang persaingan secara keseluruhannya. Langkah ini akan memastikan bahawa generasi graduan dan profesional baharu ini akan dididik dan dilatih dengan efektif mengenai dasar dan undang-undang persaingan. Program-program dan inisiatif-inisiatif yang dianjurkan MyCC menerima sambutan dan penyertaan yang menggalakkan apabila Pertandingan *Moot Court* mengenai Undang-undang Persaingan diadakan buat pertama kalinya pada 17-18 Oktober 2016 bersama Institusi-institusi Pengajian Tinggi (IPT) terpilih. MyCC akan meneruskan inisiatif-inisiatif seperti ini untuk menggalakkan lebih banyak penglibatan pelajar. Memandangkan sambutan yang menggalakkan diterima, MyCC kini merancang untuk menganjurkan Pertandingan *Moot Court* ini pada setiap tahun.

Sebagai badan penguatkuasaan, MyCC amat serius dalam mempromosi dan menggalakkan budaya persaingan yang utuh di Malaysia. Melalui aktiviti-aktiviti penyiasatan, penguatkuasaan, advokasi dan interaksi, MyCC memainkan peranan penting dalam mengubah budaya komuniti perniagaan di Malaysia dengan meningkatkan kesedaran mengenai dasar dan undang-undang persaingan. Perniagaan-perniagaan kini semakin inovatif, cekap dan berkemampuan untuk bersaing di peringkat global apabila mereka menyedari manfaat-manfaat pasaran yang sihat dan berdaya saing.

Seterusnya, MyCC akan menganjurkan Persidangan Antarabangsa Persaingan, serta menjadi tuan rumah kepada Persidangan Persaingan ASEAN ke-7 pada bulan Mac 2017, dengan barisan panel pakar-pakar tempatan dan antarabangsa yang akan berkongsi pandangan, amalan-amalan terbaik dan idea-idea yang akan membantu meningkatkan kesedaran terhadap dasar dan undang-undang persaingan. Di samping itu, lebih banyak program anjuran bersama negara-negara ASEAN yang lain sedang dirancang sebagai salah satu matlamat MyCC untuk terus berkembang sambil menyemai kemahiran di dalam undang-undang persaingan melalui jaringan kerjasama antarabangsa.

MyCC juga mempengerusikan Jawatankuasa Khas berkaitan Persaingan yang diadakan dua kali setahun untuk berbincang tentang isu-isu persaingan yang merentasi pengawalselia-pengawalselia dari sektor yang lain. Antara isu-isu yang dibincangkan adalah berkaitan persaingan dalam sektor-sektor telekomunikasi, pengangkutan awam darat, kewangan, air, tenaga dan penerbangan.

MyCC telah jauh melangkah sejak tahun 2011, tetapi perjalanan ke hadapan dijangka masih jauh dan semakin mencabar. Walaupun pihak-pihak berkepentingan meletakkan harapan yang tinggi untuk dicapai oleh MyCC dalam jangka masa yang singkat ini, terdapat beberapa cabaran yang masih perlu diatasi. Penguatkuasaan undang-undang persaingan kekal sebagai isu yang rumit sama seperti yang dialami oleh bidang-bidang kuasa besar yang lain, kerana sifatnya yang kompleks dan teknikal.

Berbekalkan kerja keras dan ketekunan yang telah diberikan selama ini, saya percaya MyCC akan terus memberi tumpuan terhadap usaha-usahanya untuk mencapai kejayaan dengan melaksanakan mandatnya dengan cekap dan berkesan, dengan komitmen untuk memastikan budaya persaingan yang kondusif supaya pasaran dapat berfungsi dengan baik untuk para pengguna, perniagaan dan ekonomi secara keseluruhannya. Dan yang paling penting, bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih berdaya saing di peringkat global.



**TAN SRI DATO' SERI SITI NORMA YAAKOB**
Pengerusi MyCC

# PRAKATA

## Ketua Pegawai Eksekutif



*"MyCC telah menganjurkan lebih daripada 200 program advokasi untuk sektor-sektor awam dan swasta di seluruh Malaysia sejak tahun 2011."*

Tujuan utama dasar dan undang-undang persaingan ialah untuk mewujudkan dan mengekalkan persekitaran perniagaan yang adil untuk memastikan perniagaan-perniagaan yang berdaya saing dapat beroperasi dengan efektif dan memberi impak yang optimum terhadap ekonomi. Dasar dan undang-undang persaingan diwujudkan di seluruh dunia dengan matlamat utama untuk memelihara kebajikan para pengguna, meningkatkan kecekapan dan pertumbuhan ekonomi, di samping mewujudkan persekitaran perniagaan yang stabil dan menggalakkan pelaburan.

Proses persaingan adalah penting kerana ia memacu kecekapan dan produktiviti, menggalakkan inovasi, menyediakan para pengguna dengan barangan dan perkhidmatan yang pelbagai dan kualiti yang tinggi pada harga yang berpatutan, serta mewujudkan rangka kerja pengawalseliaan yang kukuh, yang merangkumi undang-undang persaingan untuk mengukuhkan keyakinan para pelabur.

Dalam memastikan para pengguna terus mendapat manfaat daripada persaingan dalam sektor kesihatan, MyCC bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memulakan kerjasama pentadbiran bagi menambah baik industri farmaseutikal. Industri farmaseutikal memainkan peranan yang penting dalam mempertingkatkan sistem penjagaan kesihatan global, manakala, persaingan berperanan dalam memastikan barangan dan perkhidmatan yang bermutu tinggi dapat ditawarkan pada harga yang berpatutan. Konsistensi antara dasar persaingan dan pengawalseliaan perlu diwujudkan untuk meningkatkan kebajikan pengguna dan kecekapan ekonomi.

MyCC kini sedang menjalankan kajian pasaran ke atas sektor farmaseutikal mengikut Seksyen 11 AP 2010 untuk menilai struktur pasaran dan rantaian bekalan, seterusnya mengenal pasti amalan-amalan antipersaingan di kalangan perniagaan-perniagaan serta menggalakkan persaingan dalam sektor tersebut. Kajian ini dijangka akan disiapkan pada tahun hadapan. Selain itu, MyCC bercadang untuk menjalankan kajian pasaran ke atas sektor pembinaan pada tahun 2017.

Untuk memastikan penguatkuasaan AP 2010 yang berkesan, MyCC akan meneruskan usahanya dalam meningkatkan kesedaran terhadap undang-undang persaingan di kalangan sektor-sektor awam dan swasta di seluruh negara, terutamanya golongan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). MyCC bersama SME Corporation Malaysia telah menganjurkan *'Seminar on Helping SMEs Understand the Competition Law'* untuk menyokong agenda kerajaan dalam membantu PKS tempatan memahami undang-undang persaingan serta implikasinya terhadap perniagaan mereka. Di samping itu, MyCC juga sedang membina sistem e-Pembelajaran mengenai Program Pematuhan Persaingan (PPP) untuk PKS di Malaysia yang akan siap pada tahun 2017, dengan objektif untuk membangunkan PKS yang dinamik dan berdaya saing, serta mewujudkan budaya pematuhan dan kesedaran di kalangan mereka.

Secara keseluruhannya, MyCC telah menganjurkan lebih daripada 200 program advokasi untuk sektor-sektor awam dan swasta di seluruh Malaysia sejak penubuhannya pada tahun 2011. Angka ini dijangka meningkat seiring dengan usaha MyCC untuk meningkatkan kesedaran terhadap undang-undang persaingan di negara ini bagi memastikan persekitaran perniagaan yang berdaya saing untuk semua pihak.

Dalam usaha memperkukuhkan organisasinya, MyCC telah diberi penambahan perjawatan tetap untuk staf MyCC bagi tahun 2016. Di samping itu, banyak inisiatif dan sesi interaksi dilakukan dengan KPDNKK untuk mengembangkan tenaga kerja agar dapat beroperasi dengan lebih cekap. Sehingga kini, MyCC telah menghantar dua pegawainya ke King's College, London untuk mengikuti program Diploma Pascasiswazah dalam *Economics for Competition Law* dan *European Union Competition Law*. Pada tahun depan, MyCC bercadang untuk menghantar beberapa pegawainya ke New Zealand dan Australia di bawah program peminjaman bersama *New Zealand Commerce Commission* (NZCC) dan *Australian Competition and Consumer Commission* (ACCC). MyCC juga bercadang untuk berkongsi maklumat, idea-idea dan amalan-amalan terbaik dengan Komisi Pengawas Persaingan Usaha (KPPU) melalui program penempatan di luar negara pada tahun depan.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri KPDNKK, Pengerusi dan Anggota-anggota Suruhanjaya, di atas sokongan berterusan yang amat saya hargai. Oleh kerana Pengerusi dan beberapa Anggota Suruhanjaya akan menamatkan perkhidmatan pada tahun depan, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas perkhidmatan, kepimpinan dan bimbingan mereka sepanjang tempoh mereka berada di MyCC. Saya juga ingin merakamkan penghargaan terhadap pihak Pengurusan Eksekutif dan semua kakitangan di atas usaha, sumbangan dan komitmen dalam memastikan MyCC terus melakukan yang terbaik untuk mencapai visi dan misinya. Dengan kerjasama dan sokongan daripada orang awam, pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan serta kerajaan, saya yakin MyCC akan dapat meningkatkan keupayaan dan kemahirannya, seterusnya menghasilkan impak yang besar dalam menggalakkan pasaran Malaysia yang lebih kondusif, berdaya saing, dan menarik di peringkat tempatan dan antarabangsa.



**DATO' ABU SAMAH SHABUDIN**
Ketua Pegawai Eksekutif MyCC

# PENGENALAN

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ialah sebuah badan berkanun bebas yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 bagi menguatkuasakan Akta Persaingan 2010. Peranan utama MyCC adalah untuk melindungi proses persaingan bagi faedah perniagaan, pengguna dan ekonomi secara amnya.



## VISI

Menjadi pihak berkuasa yang menerajui persaingan di Malaysia.

## MISI

Melaksanakan mandat kami secara efisien dan efektif, dengan komitmen untuk memastikan budaya persaingan yang kondusif bagi menyediakan pasaran yang baik untuk pengguna, peniaga dan ekonomi.

# PENGURUSAN EKSEKUTIF DAN STRUKTUR ORGANISASI



# ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA

Suruhanjaya ini terdiri daripada seorang Pengerusi, empat anggota yang mewakili Kerajaan dan lima anggota yang mewakili sektor swasta. Kesemua anggota ini, termasuk Pengerusi, dilantik oleh Perdana Menteri berdasarkan cadangan yang dikemukakan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Anggota-anggota MyCC dilantik untuk tempoh satu penggal (tiga tahun) dan boleh dilantik semula selagi pelantikan tidak melebihi dua penggal berturut-turut.

Secara keseluruhannya, Anggota-anggota Suruhanjaya mewakili bidang undang-undang, ekonomi, sektor korporat, industri, perdagangan, pentadbiran awam serta persaingan dan perlindungan pengguna.



| Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob | Dato' Dr. Gan Khuan Poh | Prof. Dato' Dr. Sothi Rachagan | Tan Sri Datuk Dr. Rebecca Fatima Sta Maria | Tuan Ragunath Kesavan |
|---|---|---|---|---|




Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff

Prof. Emeritus Dr. Zakariah Abdul Rashid

Dato' Ahmad Hisham Kamaruddin

Dato' Basaruddin Sadali

Puan Normazli Abdul Rahim

# BIODATA ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA





## Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob

Pengerusi MyCC

Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob adalah merupakan Pengerusi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang telah dilantik pada 1 April 2011. Mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang perundangan, beliau telah dipanggil untuk menyertai *English Bar* pada tahun 1962. Beliau juga merupakan wanita pertama yang terlibat dalam Sistem Kehakiman dan Undang-undang di Malaysia. Dedikasi beliau dalam kerjaya kemudiannya melayakkan beliau untuk menjadi wanita pertama yang dilantik memegang jawatan eksekutif di dalam Perkhidmatan Kehakiman & Undang-undang Malaysia pada tahun 1963 dan seterusnya menduduki Kerusi Mahkamah Tinggi pada tahun 1983. Pencapaian demi pencapaian diraih beliau dalam kerjaya yang memperlihatkan pada tahun 1994 beliau dilantik menjadi Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Persekutuan pada tahun 2001. Mengangkat sumpah sebagai Ketua Hakim Malaya pada tahun 2005, Tan Sri Dato' Seri Siti Norma secara rasmi bersara pada Januari 2007.

Pada Januari 2008, Mahkamah Pusat Kewangan Antarabangsa Dubai (DIFC) melantik Tan Sri Dato' Seri Siti Norma sebagai salah seorang daripada enam hakim perintis yang juga menjadikan beliau sebagai hakim wanita pertama yang menyertai Mahkamah DIFC.

Tan Sri Dato' Seri Siti Norma kini menjadi ahli lembaga dalam beberapa syarikat dan agensi. Beliau ialah Pengerusi RAM Holdings Berhad, Pengerusi RAM Rating Service Berhad, Pengarah Tenaga Nasional Berhad, dan Ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia dan RAM Solutions Sdn Bhd.

Beliau juga merupakan Pro-Canselor di Universiti Malaya sejak tahun 2007 dan menduduki Kerusi Kehormat dalam Persatuan Terhormat di Gray's Inn, London di mana pernah menjadi tempat beliau menuntut ilmu.



## Tan Sri Datuk Dr. Rebecca Fatima Sta Maria

Tan Sri Datuk Dr. Rebecca Fatima Sta Maria ialah Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sehingga 2 Julai 2016. Sebelum pelantikan ini, beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan), MITI. Beliau memulakan kerjaya dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada tahun 1981 dan telah memegang pelbagai jawatan di MITI yang terdahulu. Pada tahun 1988, beliau telah dipinjamkan ke Loji Kuarantin dan Pusat Latihan ASEAN sebagai Ketua Pegawai Pentadbiran dan Perolehan. Pada tahun 2006, beliau mempengerusikan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Ekonomi ASEAN (SEOM). Kini beliau merupakan Pengerusi Peringkat Tertinggi Pasukan Petugas bagi Integrasi Ekonomi ASEAN. Beliau juga merupakan Naib Pengerusi Forum Ekonomi Dunia, Majlis Agenda Global, Asia Tenggara. Tan Sri Datuk Dr. Rebecca merupakan graduan jurusan Sastera (Kepujian) dalam Kesusasteraan Bahasa Inggeris dari Universiti Malaya (UM). Beliau menerima Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Malaysia pada tahun 1981. Beliau juga memiliki M.S. (Kaunseling) dari Universiti Pertanian Malaysia (kini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia). Beliau memegang Ph.D dari University of Georgia di Athens, Amerika Syarikat, di mana beliau telah dianugerahkan Anugerah Malcolm Knowles bagi disertasi Ph.D terbaik dalam bidang Pembangunan Sumber Manusia oleh Persatuan Pembangunan Sumber Manusia Amerika Syarikat pada tahun 2000.

Beliau juga adalah pemegang amanah bagi Yayasan MyKasih; dan Ahli Lembaga Pengarah Pusat Kaunseling Emmaus, RHB Bank Berhad, Sunway Construction Group Berhad dan Hartalega Holdings Berhad.

## Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff

Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff ialah Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri. Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam lebih 30 tahun. Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi pernah memegang pelbagai jawatan kanan di Kementerian Kewangan. Beliau merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Sistem dan Kawalan) di Kementerian Kewangan sebelum dilantik sebagai Ketua Pegarah EPU pada 19 Oktober 2011.

Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi ialah Ahli Lembaga Pengarah Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (MTJA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Perbadanan Putrajaya dan MRT Corporation Sdn Bhd.

Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Ekonomi) (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia. Beliau memperoleh Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Beliau turut memegang Ijazah Sarjana Ekonomi dari University of Western Michigan, Amerika Syarikat dan Doktor Falsafah dari Australian National University, Australia.



## Profesor Dato' Dr. Sothi Rachagan

Profesor Dato' Dr. Sothi Rachagan adalah merupakan Naib Canselor di Universiti Nilai. Sebelum ini, beliau telah berkhidmat sebagai Dekan Fakulti Undang-undang di Universiti Malaya dan juga sebagai Naib Canselor di Universiti Perdana. Profesor Dato' Dr. Sothi memegang B.A. (Malaya), Post-Grad Dip Arts (Otago), M.A. (Otago), LLM (Bristol) dan Ph.D (London). Beliau merupakan *Barrister-at-Law* (Lincoln's Inn) dan Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya.

Beliau berkhidmat di *UNCTAD International Expert Panel on Consumer Protection* dan Panel Penasihat untuk Pusat Pengguna dan Undang-undang Persaingan di beberapa universiti asing. Beliau juga merupakan bekas Presiden *International Association of Consumer Law* dan bertugas sebagai Pengerusi *Working Committee on Financial Services of UNCTAD* di bahagian *UN Guidelines on Consumer Protection*.

Beliau telah banyak menerbitkan dan membentangkan kertas kerja yang menekankan isu alam sekitar, kemanusiaan, persaingan, kepenggunaan dan undang-undang pilihan raya.

## Dato' Ahmad Hisham Kamaruddin

Dato' Ahmad Hisham Kamaruddin merupakan rakan pengasas Hisham & Associates dan juga seorang Perunding Undang-undang Korporat yang membawa bersamanya pengalaman undang-undang lebih 30 tahun. Pengetahuannya yang luas merangkumi bidang-bidang seperti petrokimia, minyak dan gas, harta intelek, penerbangan, perbankan korporat, dan amalan buruh, banyak memberi manfaat kepada MyCC. Sebagai Ejen Tanda Dagangan berdaftar dan Reka Bentuk Perindustrian, beliau amat mahir dalam undang-undang dan prosedur yang berkaitan dengan harta intelektual termasuk hak cipta, pemalsuan, dan perintah-perintah injuksi. Dato' Ahmad Hisham adalah merupakan Presiden Tribunal Mahkamah Pengguna di Malaysia di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Beliau juga berperanan bagi mempengerusikan perbicaraan pengguna terhadap para peniaga dan ahli-ahli perniagaan di seluruh negara. Beliau terlibat secara aktif dalam pemuliharaan dan pemeliharaan warisan di Malaysia.



## Dato' Dr. Gan Khuan Poh

Dato' Dr. Gan Khuan Poh adalah seorang ahli ekonomi dan perunding korporat dengan pengalaman lebih daripada tiga dekad dalam sektor awam dan swasta. Beliau pernah berkhidmat di EPU di Jabatan Perdana Menteri dan juga dalam bidang akademik sebagai Profesor Ekonomi di Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengetahuan beliau yang luas dalam bidang ekonomi, kewangan dan pengawalseliaan sektor ICT memberi manfaat kepada peranan MyCC dalam mengawalselia persaingan. Kajian beliau dalam *Economics of Regulation and Competition, Distribution Economics* dan *Economics Development in Emerging Economies* dapat menyumbang kepada MyCC secara khasnya.

## Tuan Ragunath Kesavan

Tuan Ragunath Kesavan ialah seorang pengamal undang-undang lebih dari 25 tahun dan pernah berkhidmat sebagai Presiden Majlis Peguam Malaysia dari tahun 2009 hingga 2011. Beliau telah diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 1991. Beliau berkelayakan sebagai Penguambela di Gray's Inn, London setelah didaftaraikan sebagai Penguambela England & Wales pada tahun 1990. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Genetik) dari Universiti Malaya pada tahun 1985, LLB dari University of Wales Aberystwyth pada tahun 1989 dan LLM dari Universiti Malaya pada tahun 1995.

Tuan Ragunath Kesavan juga adalah merupakan ahli panel Penimbang Tara dan Pengadil di *Kuala Lumpur Regional Centre of Arbitration.*



## Profesor Emeritus Dr. Zakariah Abdul Rashid

Profesor Emeritus Dr. Zakariah Abdul Rashid ialah Pengarah Eksekutif, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER). Beliau juga merupakan mantan Timbalan Dekan dan Ketua Jabatan Ekonomi di Universiti Putra Malaysia (UPM) Bahagian Pengajian Siswazah. Profesor Emeritus Dr. Zakariah Abdul Rashid telah menerbitkan banyak artikel dan menyunting jurnal-jurnal akademik, serta memberi syarahan di seminar dan persidangan mengenai pembangunan dan ekonomi antarabangsa, Islam dan serantau.

Selain itu, beliau pernah berkhidmat sebagai perunding kepada pelbagai institusi penyelidikan, dan memainkan peranan penting dalam projek-projek berasaskan ekonomi.

## Dato' Basaruddin Sadali

Dato' Basaruddin Sadali adalah merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari University of Syracuse, New York, Amerika Syarikat.

Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pentadbiran dan pengurusan organisasi. Antara jawatan utama yang pernah disandang oleh beliau ialah Pengarah Bahagian Saraan (2009) dan Pengarah Bahagian Pembangunan Organisasi (2010) di Jabatan Perkhidmatan Awam. Pada tahun 2013, beliau merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Francais dan Kepenggunaan) di Kementerian yang sama.

## Puan Normazli Abdul Rahim

Puan Normazli Abdul Rahim adalah merupakan Peguamcara Perbendaharaan, Kementerian Kewangan. Beliau mendapat pendidikan di Selangor dan melanjutkan pelajarannya diperingkat Ijazah Undang-undang di Leeds Polytechnic, United Kingdom pada tahun 1991. Beliau seterusnya menjadi Peguambela di Lincoln's Inn, London, United Kingdom pada tahun 1992.

Beliau memulakan kerjaya dalam bidang perundangan sebagai Penolong Peguamcara Perbendaharaan di Kementerian Kewangan pada tahun 1993. Puan Normazli pernah berkhidmat di Jabatan Peguam Negara, memegang beberapa jawatan dan juga pernah menjadi Penasihat Undang-undang di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Beliau kini memegang jawatan sebagai Pengarah di Sepang International Circuit Sdn Bhd (SIC).

# AKTA
## Persaingan 2010

Akta Persaingan 2010 (AP 2010) dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 telah diwartakan pada 10 Jun 2010 dan mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2012. Akta-akta ini bertujuan untuk meningkatkan pembangunan ekonomi negara dengan melindungi proses persaingan dalam pasaran dan seterusnya melindungi kepentingan pengguna. Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 pada 1 April 2011 bagi menyelia peruntukan-peruntukan AP 2010.

### SKOP

AP 2010 meliputi semua aktiviti komersial - di dalam dan luar Malaysia - yang mempunyai kesan terhadap persaingan pasaran di Malaysia. Perjanjian antipersaingan yang dilarang oleh AP 2010 termasuklah penetapan harga, berkongsi pasaran atau sumber bekalan, mengehadkan atau mengawal pengeluaran dan tipuan bida. Selain melarang perjanjian antipersaingan, AP 2010 juga meliputi amalan oleh perusahaan dominan yang sengaja bertujuan untuk memaksa pesaing keluar dari pasaran. Dalam kes perusahaan yang telah mendapat bahagian pasaran terbesar, AP 2010 melarang tingkah laku oleh perusahaan itu yang membawa kepada penyalahgunaan kedudukan dominannya, seperti diskriminasi harga, berkelakuan seperti pemangsa, keengganan untuk membekal, jualan terikat dan membeli semua barangan atau sumber yang sukar didapati.

### LARANGAN UTAMA DI BAWAH AP 2010

AP 2010 melarang perusahaan daripada terlibat dalam dua bentuk perilaku:

- Perjanjian Antipersaingan (Seksyen 4)
- Penyalahgunaan Kedudukan Dominan (Seksyen 10)

### PERJANJIAN ANTIPERSAINGAN

Seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 4 Akta Persaingan 2010, perjanjian antipersaingan merujuk kepada suatu perjanjian antara perusahaan mendatar (bermaksud perusahaan-perusahaan dalam rangkaian operasi perniagaan yang sama) atau menegak (bermaksud perusahaan-perusahaan dalam rangkaian operasi perniagaan yang berbeza) di mana perjanjian tersebut dimasuki dengan matlamat atau kesan yang menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

## PENYALAHGUNAAN KEDUDUKAN DOMINAN

Di bawah Seksyen 10 Akta Persaingan 2010, suatu perusahaan sama ada secara sendirian atau kolektif dalam suatu pasaran barang atau perkhidmatan yang mempunyai kuasa pasaran signifikan lebih daripada 60% akan dianggap sebagai mempunyai kedudukan dominan dalam pasaran tersebut.

Perusahaan yang berkedudukan dominan dalam suatu pasaran bukan merupakan satu salah laku yang melanggar undang-undang di bawah Seksyen 10 (4) Akta yang sama, kecuali perusahaan berkedudukan dominan tersebut telah menyalahgunakan kedudukan dominan sehingga berupaya menyekat persaingan perusahaan yang lain dalam pasaran yang sama dan memudaratkan pengguna.

AP 2010 mengecualikan aktiviti-aktiviti tertentu, termasuk:

- Aktiviti yang melibatkan tindakan pihak berkuasa kerajaan.
- Aktiviti yang dijalankan selaras dengan prinsip perpaduan.
- Pembelian barangan atau perkhidmatan yang tidak bertujuan untuk dijual semula atau pembekalan semula.
- Perjanjian atau kelakuan yang mematuhi undang-undang.
- Tawar-menawar secara kolektif atau perjanjian bersama di antara majikan dan kesatuan sekerja bagi pihak warga kerja.
- Perkhidmatan yang melibatkan kepentingan ekonomi umum, meliputi kemudahan awam atau yang mempunyai ciri-ciri monopoli yang menghasilkan pulangan.

AP 2010 tidak meliputi aktiviti-aktiviti komersial yang dikawal selia oleh Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Suruhanjaya Tenaga 2001, Akta Pembangunan Petroleum 1974, Peraturan-Peraturan Petroleum 1974, dan Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015.

## PENYIASATAN

AP 2010 memberi kuasa kepada MyCC untuk menyiasat dan mengambil tindakan terhadap perusahaan yang terlibat dalam amalan antipersaingan. MyCC boleh menyiasat perusahaan, pesaing, pembekal, pelanggan, individu atau mana-mana perniagaan lain, atau peniaga yang disyaki terlibat dalam amalan antipersaingan atau penyalahgunaan kedudukan dominan. Penyiasatan boleh dilakukan oleh MyCC apabila diarahkan oleh Menteri, apabila disyaki terdapat pelanggaran AP 2010 oleh sesuatu perusahaan atau sebagai hasil aduan daripada orang awam.

## PELANGGARAN DAN PENALTI

Sekiranya MyCC mendapati bahawa perusahaan tertentu telah melanggar AP 2010, ia boleh meminta perusahaan untuk menghentikan pelanggaran serta-merta dan mengambil apa-apa tindakan lain yang ditentukan oleh MyCC. Perusahaan yang terbabit boleh didenda sehingga maksimum 10% daripada nilai perolehannya di seluruh dunia dalam tempoh sepanjang pelanggaran itu berlaku.

## ADUAN

Tindakan penguatkuasaan undang-undang oleh MyCC banyak bergantung kepada aduan yang diterima daripada orang ramai. Sesiapa sahaja yang mempunyai apa-apa sebab untuk mengesyaki mana-mana perusahaan, pesaing, pembekal, pelanggan, individu atau lain-lain, boleh membuat aduan kepada MyCC.

Aduan hendaklah diserahkan kepada MyCC menggunakan borang aduan rasmi yang boleh dimuat turun dari laman web MyCC (www.mycc.gov.my) dan boleh dihantar melalui e-mel ke complaints@mycc.gov.my. Borang aduan juga boleh dihantar melalui faks, pos atau datang sendiri ke pejabat MyCC. Semua maklumat yang diterima oleh MyCC adalah dianggap sulit.

# SURUHANJAYA
## Persaingan Malaysia (MyCC)

### PENUBUHAN

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah ditubuhkan pada bulan April 2011, dan ditugaskan untuk menguatkuasakan AP 2010. MyCC ditadbir oleh Akta Suruhanjaya Persaingan 2010. Fungsi utamanya adalah untuk melindungi proses persaingan dalam pasaran komersial demi kebaikan perniagaan dan pengguna, serta ekonomi secara keseluruhan.

### FUNGSI-FUNGSI MyCC

1. Menasihati Menteri & pihak Kerajaan
2. Memberitahu Menteri tentang kesan antipersaingan daripada perundangan semasa atau yang dicadangkan
3. Menasihati Menteri tentang perjanjian antarabangsa yang berkaitan persaingan
4. Melaksanakan dan menguatkuasakan Akta Persaingan 2010
5. Mengeluarkan Garis Panduan
6. Bertindak sebagai penyokong bagi perkara berkaitan persaingan
7. Menjalankan kajian pasaran
8. Mengumpul maklumat bagi pelaksanaan fungsi Suruhanjaya
9. Meningkatkan kesedaran orang awam mengenai Undang-undang Persaingan dan fungsi Suruhanjaya
10. Mendidik orang awam tentang manfaat persaingan kepada pengguna
11. Membuat pengesyoran kepada Menteri tentang penambahbaikan kepada Undang-undang Persaingan
12. Menjalankan apa-apa aktiviti yang wajar bagi Suruhanjaya

## KUASA MyCC

MyCC diberi kuasa oleh Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 untuk memastikan pematuhan kepada AP 2010, menyiasat aduan mengenai tingkah laku antipersaingan, menjalankan kajian pasaran dan mengenakan penalti ke atas perusahaan-perusahaan yang didapati melanggar undang-undang persaingan. Ia juga mempunyai kuasa untuk mengenakan bayaran atau caj bagi perkhidmatan yang disediakan; memberi pinjaman, biasiswa dan wang pendahuluan kepada warga kerjanya; bekerjasama dengan mana-mana badan korporat atau agensi kerajaan dan meminta maklumat daripada perusahaan untuk membantu dalam pelaksanaan fungsi-fungsinya; atau melaksanakan apa-apa tugas yang bersampingan dengan fungsi dan kuasanya.

## JAWATANKUASA KERJA

Pejabat MyCC mula beroperasi pada 1 Jun 2011. Sejak itu, MyCC telah menubuhkan 10 jawatankuasa kerja untuk membantu serta melaksanakan fungsi utamanya. Anggota MyCC mengetuai setiap jawatankuasa kerja, bersama dengan wakil-wakil daripada sektor awam dan swasta yang berkaitan. Jawatankuasa-jawatankuasa adalah seperti berikut:

a) Jawatankuasa Kewangan dan Perolehan;
b) Jawatankuasa Latihan Sumber Manusia dan Kompetensi;
c) Jawatankuasa Panel Pembangunan Sumber Manusia;
d) Jawatankuasa Advokasi dan Komunikasi;
e) Jawatankuasa Garis Panduan;
f) Jawatankuasa Audit;
g) Jawatankuasa Ekonomi;
h) Jawatankuasa Penguatkuasaan;
i) Jawatankuasa Tatatertib; dan
j) Jawatankuasa Rayuan Tatatertib

Mesyuarat Jawatankuasa Khas berkaitan Persaingan yang dipengerusikan oleh MyCC diadakan sebanyak dua kali pada tahun ini bagi membincangkan pelbagai isu persaingan merentasi suruhanjaya-suruhanjaya dari sektor yang lain seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Tenaga (ST), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Suruhanjaya Sekuriti (SC), dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM). Isu-isu yang dibincangkan tahun ini termasuklah isu-isu berkaitan persaingan dalam sektor telekomunikasi, pengangkutan awam darat, kewangan dan penerbangan.

# PERISTIWA PENTING
## Sejak Penubuhan MyCC

### 2010

**02 Apr** : Kabinet meluluskan dasar dan rang undang-undang baharu.
**02 Jun** : Akta Persaingan 2010 (AP 2010) menerima Perkenan Diraja.
**10 Jun** : AP 2010 diwartakan.
**Sep** : Kementerian menubuhkan satu unit interim persaingan bagi menyediakan penubuhan MyCC.

### 2011

**Feb-Apr** : Satu Makmal Persaingan ditubuhkan untuk menilai isu-isu yang dapat mempercepatkan pelaksanaan AP 2010.
**01 Apr** : Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob dilantik sebagai Pengerusi MyCC.
**01 Mei** : Sembilan Anggota Suruhanjaya lain dilantik ke MyCC.
**Jun** : Ketua Pegawai Eksekutif MyCC pertama dilantik. Pegawai-pegawai MyCC lain juga dilantik.

### 2012

**Jan** : AP 2010 mula berkuatkuasa.
**02 Mei** : Empat garis panduan tentang Prosedur Aduan, Definisi Pasaran dan Larangan Bab 1 (Perjanjian Antipersaingan) disiarkan.
**Mei** : Mempelopori penubuhan Jawatankuasa Khas mengenai Persaingan.
**16 Jul** : Pelancaran buku panduan MyCC untuk masyarakat awam. Kajian Pasaran daging ayam tempatan dijalankan.
**26 Jul** : Garis Panduan tentang Larangan Bab 2 (Penyalahgunaan Kedudukan Dominan) disiarkan.
**24 Okt** : Keputusan yang dicadangkan terhadap CHFA kerana melanggar Seksyen 4(2) AP 2010 dikeluarkan.
**06 Dis** : Keputusan muktamad pertama terhadap CHFA dikeluarkan.
**12 Dis** : Program Geran Penyelidikan (RGP) MyCC diperkenalkan.

### 2013

**17 Jan** : Pembukaan rasmi ibu pejabat MyCC di KL Sentral.
**Jul** : MyCC melengkapkan Kajian Pasaran mengenai penetapan harga oleh badan-badan profesional di Malaysia. MyCC juga menjalankan Kajian Garis Dasar tentang tahap kesedaran AP 2010.
**02 Sep** : Pelancaran "Akta Persaingan 2010: Panduan untuk Perniagaan."
**06 Sep** : Keputusan yang dicadangkan terhadap Malaysia Airlines Berhad dan AirAsia kerana perkongsian pasaran.
**20 Sep** : Langkah interim dikeluarkan terhadap Persatuan Ampunya Lori Pan-Malaysia (PMLOA) kerana penetapan harga.
**25 Sep** : Pelancaran "Akta Persaingan 2010: Garis Panduan Pematuhan".
**25-26 Sep** : Persidangan Undang-undang Persaingan MyCC pertama.
**01 Nov** : Keputusan yang dicadangkan terhadap Megasteel Sdn Bhd kerana penyalahgunaan kedudukan dominan.

## 2014

**20 Feb** : Keputusan yang dicadangkan terhadap pengeluar-pengeluar ais.
**21 Mac** : MyCC mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Khas mengenai Persaingan.
**19 Mei** : Rundingan awam mengenai penetapan harga oleh badan-badan profesional.
**21 Mei** : Aku Janji dari Persatuan Ampunya Lori Pan-Malaysia (PMLOA) diterima.
**05 Jun** : Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Bank Negara Malaysia dan MyCC.
**17 Jun** : Bengkel Siasatan dan Pengendalian Kes *ASEAN Experts Group on Competition* (AEGC).
**23 Jun** : Pelancaran dua buku panduan mengenai tipuan bida: "Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam" dan "Bantu Kami Kenal Pasti Tipuan Bida" di Putrajaya.
**07 Jul** : Pengecualian Blok Bersyarat bagi Pelayaran Tetap oleh MyCC telah diwartakan.
**30 Sep** : Keputusan yang dicadangkan terhadap Persatuan Bakeri dan Manisan Sibu (SCBA).
**07 Okt** : Aku Janji dari pembekal-pembekal perkhidmatan logistik diterima.
**16 Okt** : MyCC menerbitkan Garis Panduan Penalti Kewangan dan Regim Kelonggaran.
**04 Nov** : Pelancaran dua buku panduan mengenai tipuan bida: "Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam" dan "Bantu Kami Kenal Pasti Tipuan Bida" di Kuching, Sarawak.
**25 Nov** : Kerjasama Program Pematuhan Persaingan di antara MyCC dan Persatuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM).

## 2015

**26 Jan** : Ketua Pegawai Eksekutif MyCC baharu telah dilantik.
**30 Jan** : Keputusan muktamad terhadap 24 pengeluar ais dikeluarkan.
**12 Feb** : Keputusan muktamad terhadap 15 ahli dari *Sibu Confectionery and Bakery Association* kerana penetapan harga.
**05 Mac** : Pembekal-pembekal perkhidmatan logistik mematuhi Aku Janji mereka.
**14 Apr** : Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu membuang permohonan untuk *Judicial Review on Block Exemption Order*.
**26 Mei** : Empat badan profesional telah menghapuskan skala yuran mereka.
**19 Jun** : Keputusan yang dicadangkan terhadap lima Pengendali Depoh Kontena kerana penetapan harga.
**14 Jul** : MyCC mengerusikan satu meja bulat mengenai Undang-undang Persaingan di UNCTAD.
**04 Ogos** : MyCC memberi amaran kepada *Nursery and Nanny Association* berkenaan penetapan skala yuran.
**06 Okt** : Keputusan yang dicadangkan terhadap MyEG kerana penetapan harga.
**12 Okt** : Aku Janji daripada *Malaysia Heavy Construction Equipment Owners Association* (MHCEOA) diterima.
**16 Nov** : MyCC mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Khas mengenai Persaingan dengan badan-badan kawal selia sektor-sektor lain termasuklah MCMC, SPAD, BNM, EC, SPAN, SC.
**27 Nov** : MyCC menandatangani enam MoU di antara Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) dan lima institut pengajian tinggi.

## 2016

**14 Apr** : Sesi rundingan awam mengenai Pindaan kepada AP 2010.
**02 Jun** : Keputusan yang dicadangkan terhadap lima syarikat kerana penetapan harga.
**16 Jun** : MyCC mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Khas mengenai Persaingan Bil. 1/2017.
**24 Jun** : Keputusan muktamad terhadap MyEG.
**26 Sep** : MyCC menganjurkan Seminar Menentang Tipuan Bida dan Penyalahgunaan Kedudukan Dominan dalam Perolehan Awam di bawah AP 2010.
**10 Okt** : MyCC menganjurkan *Forum on Competition Law in the Pharmaceutical Sector*.
**17&18 Okt**: Pertandingan *Moot Court* pertama berkenaan Undang-undang Persaingan 2016 disertai beberapa institut pengajian tinggi terpilih.
**21 Okt** : MyCC mengerusikan dua meja bulat di *UNCTAD Intergovernmental Group of Experts Meetings on Consumer Protection and Competition Law and Policy*.
**14 Nov** : Seminar PKS *"Helping SMEs Understand the Competition Law"*.
**29 Nov** : MyCC mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Khas mengenai Persaingan Bil. 2/2017.

# PENCAPAIAN
## Tahun 2016

## AKTIVITI PENGUATKUASAAN

Bagi tahun 2016, Suruhanjaya telah menjalankan beberapa penyiasatan. Berikut adalah hasil-hasil penyiasatan:

### A. DAPATAN PELANGGARAN (SEKSYEN 40)

Suruhanjaya telah mengeluarkan dua (2) keputusan dapatan pelanggaran di bawah Seksyen 40 AP 2010 dan jumlah keseluruhan penalti yang dikenakan adalah RM2,917,974.00. Syarikat-syarikat yang terbabit adalah:

- **Pengendali Depoh Kontena (CDO Penang)**

  Pada 1 Jun 2016, keputusan dapatan pelanggaran ke atas larangan di bawah Seksyen 4 (1) dan 4 (2) AP 2010 telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya ke atas lima (5) buah syarikat di mana syarikat-syarikat ini telah didapati mengeluarkan notis dan risalah untuk memaklumkan mengenai peningkatan Caj Pagar Depoh daripada RM5 kepada RM25. Lima syarikat tersebut adalah Containerchain (Malaysia) Sdn. Bhd. ("Containerchain"); Ayza Industries Sdn. Bhd./ Ayza Logistics Sdn. Bhd.; ICS Depot Services Sdn. Bhd.; E.A.E. Depot & Freight Forwarding Sdn. Bhd.; dan Prompt Dynamics Sdn. Bhd. yang mana mereka telah dikenakan penalti kewangan sebanyak RM645,774.00 dan penalti tambahan sebanyak RM7,000 bagi setiap hari sekiranya mereka gagal mematuhi tindakan-tindakan pembetulan yang berikut dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh keputusan:

a. Pengendali-pengendali Depoh Kontena memberhentikan serta-merta daripada melaksanakan kadar Caj Pagar Depoh dan rebat yang telah dipersetujui yang mana kedua-duanya timbul daripada perlakuan anti-persaingan mereka;

b. Sejajar dengan arahan di atas, klausa tujuh (7) Perjanjian Akses Pengangkut (*Carrier Access Arrangement*) yang menetapkan Caj Pagar Depoh dan rebat berkenaan atau mana-mana klausa yang seumpamanya itu hendaklah dimansuhkan kerana ia bersifat antipersaingan;

c. Aturcara Akses Pengangkut yang dimuatnaik dalam sistem yang dikendalikan oleh Containerchain itu tidak boleh mengandungi apa-apa klausa yang boleh membenarkan perkongsian maklumat sulit berkaitan dengan mana-mana Pengendali-pengendali Depoh Kontena yang telah melanggan sistem Containerchain tersebut;

d. Containerchain dikehendaki memberi suatu Aku Janji dalam bentuk dan cara yang boleh diterima oleh Suruhanjaya untuk menyusun semula sistem Containerchain bagi memastikan bahawa ia tidak digunakan untuk apa-apa perlakuan antipersaingan termasuk yang disebut dalam (a) di atas; dan

e. Semua harga masa hadapan dan syarat perdagangan yang lain hendaklah ditentukan secara bebas oleh kesemua Pengendali Depoh Kontena yang telah melanggan sistem Containerchain.

- **My E.G. Services Berhad (MyEG)**

  Suruhanjaya telah mengeluarkan keputusan yang dicadangkan terhadap MyEG kerana didapati melanggar Seksyen 10 Akta Persaingan 2010 dengan menyalahgunakan kedudukan dominan di dalam peruntukan dan pengurusan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dalam talian atau permohonan pembaharuan Permit Pekerja Asing. Keputusan telah dibuat pada 24 Jun 2016 di mana MyEG telah dikenakan penalti kewangan sebanyak RM2,272,200.00 serta arahan-arahan lain seperti MyEG perlu menghentikan pelanggaran dengan serta-merta. MyEG juga perlu menyediakan satu *gateway* yang efisien untuk semua pesaingnya dalam pasaran penjualan insuran mandatori serta memastikan kesemuanya dapat bersaing di aras yang sama dalam tempoh masa 60 hari dari tarikh keputusan yang dikeluarkan. MyEG juga dikehendaki memberikan Aku Janji untuk mematuhi semua peraturan yang ditetapkan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM).

**B. DAPATAN TIADA PELANGGARAN (SEKSYEN 39)**

Suruhanjaya yang telah mengeluarkan notis dapatan tiada pelanggaran ke atas kes tersebut di bawah:

- Megasteel Sdn. Bhd.
  Suruhanjaya telah mengeluarkan keputusan yang dicadangkan terhadap Megasteel pada 30 Oktober 2013 kerana mengikut penyiasatan, Megasteel didapati telah melanggar Seksyen 10 AP 2010 dengan menyalahgunakan kedudukannya yang dominan dalam pasaran keluli. Walaubagaimanapun, setelah mendengar representasi pihak berkenaan, Suruhanjaya telah mendapati bahawa tiada pelanggaran atas sebab data yang terlebih dahulu diterima oleh Suruhanjaya tidak meyokong dakwaan Megasteel yang telah mengenakan harga ke atas pemain-pemain industri yang lain.

**C. AKU JANJI (SEKSYEN 43)**

Berikutan kes CDO Penang, Suruhanjaya telah menerima Aku Janji dibawah Seksyen 43 AP 2010 daripada Containerchain (Malaysia) Sdn. Bhd. (Containerchain) pada 30 Jun 2016 yang menyatakan bahawa Containerchain akan mematuhi arahan pihak Suruhanjaya yang selaras dengan kehendak AP 2010. Aku Janji ini adalah berkaitan dengan pembuatan perjanjian menegak melalui amalan bersepadu yang menyebabkan Pengendali-pengendali Depoh Kontena meningkatkan Caj Pagar Depoh yang dikenakan ke atas pelanggan mereka dari RM5 ke RM25 dan menetapkan rebat sebanyak RM5 untuk syarikat pengangkutan dalam hal Caj Pagar Depoh. Suruhanjaya mendapati bahawa Containerchain dan Pengendali-pengendali Depoh Kontena berkemungkinan telah melanggar Seksyen 4(1) AP 2010 iaitu dengan menetapkan kadar Caj Pagar Depoh di antara Containerchain dan Pengendali-pengendali Depoh Kontena yang dikhuatiri akan memberi kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan.

**D. SURAT AMARAN**

Surat amaran telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya terhadap satu persatuan iaitu Majlis Pemandu-pemandu Pelancong Malaysia (MTGC) yang disyaki melakukan pelanggaran dibawah Seksyen 4 (2) (a) AP 2010 kerana isu skala fi pemandu pelancong.

**E. RAYUAN**

Dua kes rayuan telah dibawa ke Tribunal Rayuan Persaingan oleh perayu-perayu, iaitu My E.G. Services Berhad (bersama dengan My E.G. Commerce Sdn. Bhd.) dan Prompt Dynamics Sdn Bhd. Kedua-dua rayuan masih lagi berjalan di Tribunal Rayuan Persaingan.

*"Surat amaran telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya terhadap satu persatuan iaitu Majlis Pemandu-pemandu Pelancong Malaysia (MTGC) yang disyaki melakukan pelanggaran di bawah Seksyen 4 (2) (a) AP 2010 kerana isu skala fi pemandu pelancong."*

## PROGRAM ADVOKASI

Secara keseluruhannya, program-program advokasi ialah salah satu inisiatif selain daripada aktiviti penguatkuasaan dalam meningkatkan kesedaran terhadap AP 2010 serta menggalakkan pematuhannya. Pada tahun 2016, MyCC telah menjalankan sebanyak 28 program advokasi yang melibatkan kedua-dua sektor awam dan swasta di seluruh negara.

**Jan 22**
Sesi Perbincangan dengan PETRONAS mengenai Pematuhan Persaingan, Kuala Lumpur

**Feb 18**
Sesi Perbincangan dengan MTEM mengenai AP 2010, Kuala Lumpur

**Feb 26**
Taklimat mengenai AP 2010 untuk Politeknik Ungku Omar Perak, Kuala Lumpur

**Mac 21**
Sesi Perbincangan dengan SHELL mengenai Pematuhan Persaingan, Kuala Lumpur

**Mac 23**
Seminar Akta Persaingan Malaysia 2010, Putrajaya

**Apr 13**
*Competition & Antitrust: A Practical View of ASEAN's Competition Laws* bersama firma guaman di Malaysia

**Apr 19**
Taklimat Penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 sempena Hari Penguatkuasaan KPDNKK 2016, KPDNKK Putrajaya

*Professional Seminar on Malaysia Competition Act for Royal Institution of Surveyors Malaysia*, Kuching, Sarawak



## Apr 20
Taklimat Penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 sempena Hari Penguatkuasaan KPDNKK 2016, Kota Kinabalu, Sabah

## Mei 06
Taklimat Penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 bagi KPDNKK Perak, Perlis, Kedah dan Pulau Pinang, Pulau Pinang

## Mei 16
Taklimat Mengenai Akta Persaingan 2010 kepada Pegawai-pegawai KPDNKK Cawangan Negeri Selangor, Selangor

## Mei 18
Taklimat mengenai AP 2010 bagi Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur

## Mei 31
Taklimat mengenai Akta Persaingan 2010 kepada Pegawai-pegawai KPDNKK Cawangan Johor Bahru, Johor

## Jul 19
Perbincangan Bersama *Motorcycle and Scooter Assemblers and Distributors Association of Malaysia (1997) (MASAAM)*, Kuala Lumpur

## Ogos 10
Taklimat mengenai Akta Persaingan 2010 Sempena *The 4th Sabah International Surveyors Congress*, Kota Kinabalu, Sabah



## Ogos 19

*American Malaysian Chamber of Commerce (AMCHAM) Program - Economics & Competition Law,* Kuala Lumpur

## Ogos 23

Taklimat mengenai Akta Persaingan 2010 kepada Pegawai-pegawai KPDNKK Cawangan Seremban, Negeri Sembilan

## Ogos 29

Taklimat mengenai Akta Persaingan 2010 kepada Pegawai-pegawai KPDNKK Cawangan Kuantan, Pahang

Seminar *Corporate Governance, Directors Duties, Regulatory Updates*, Kuala Lumpur



## Sep 26

Seminar Menentang Tipuan Bida dan Penyalahgunaan Kedudukan Dominan dalam Perolehan Awam di bawah Akta Persaingan 2010, Menara SSM, Kuala Lumpur



## Sep 28

Sesi Taklimat Akta Persaingan kepada Pegawai-pegawai KPDNKK di ILKAP, Selangor

## Okt 10

*Forum on Competition Law in the Pharmaceutical Sector*, Kuala Lumpur

## Okt 17
Sesi Taklimat Akta Persaingan kepada Peguam-peguam Negara di ILKAP, Selangor

## Okt 17-18
Pertandingan *Moot Court* Pertama mengenai Undang-undang Persaingan 2016, Menara SSM, Kuala Lumpur




## Okt 27
Sesi Taklimat Akta Persaingan 2010: "Kepentingan dalam Proses Perolehan Awam" kepada Pegawai-pegawai SPRM, Putrajaya

## Nov 03
Sesi Perbincangan Undang-undang Persaingan - Aktiviti-aktiviti Perolehan dengan PETRONAS, Kuala Lumpur



## Nov 14
Seminar PKS *"Helping SMEs Understand The Competition Law"*, SME Corp. Malaysia, Kuala Lumpur

## Nov 16
Persidangan Antarabangsa mengenai *Public Procurement Regulation & Smart Cities Procurement*, Kuala Lumpur



# PROGRAM BINA UPAYA DI PERINGKAT ANTARABANGSA

**Mac 03-04**
*GCR Live 5th Annual Law Leaders Asia-Pacific*, Singapura

**Mac 30-01 Apr**
Bengkel Undang-undang Persaingan mengenai *Building Cartel Enforcement*, Hanoi, Vietnam

**Apr 25**
Persidangan *"Antitrust in Asia: Achievements, Concerns and Challenges" (ESSEC)*, Singapura

**Apr 26-29**
*International Competition Network (ICN)*, Singapura

**Mei 11-13**
*Abuse of Dominance and Unilateral Conduct: Fundamentals*, Bali, Indonesia

**Mei 25-26**
*Brainstorming Session On Monitoring The Effectiveness Of Competition Regimes*, Bangkok, Thailand

**Mei 30-01 Jun**
Bengkel APEC mengenai *Investigative Process & Procedural Fairness by Competition Law Enforcement Authorities*, Bandar Mexico, Mexico



**Mei 25-27**
Bengkel *AANZFTA Competition Law Implementation Program (CLIP): 'Training for Successful Investigations'*, Kuala Lumpur



**Jun 01-03**
Bengkel AEGC tentang *Economic Analysis for Competition Law Enforcement*, Putrajaya

**Jun 01-03**
*APEC Structural Reform Capacity Building Workshop: Developing RAASR Individual Action Plans*, Singapura

**Jun 22-24**
Bengkel Undang-undang Persaingan mengenai *Competition Rules and the Financial Sector*, Korea

**Jul** 17-22
Sesi ke-14 *United Nations Conference on Trade and Development,* Nairobi, Kenya

**Jul** 27-28
*6th ASEAN Competition Conference (ACC),* Bangkok, Thailand

**Ogos** 20-21
Seminar mengenai *International Experience Regarding the Role of Leniency Programs in the Repression of Anti-competitive Conducts – Highlighting its Effectiveness in the Fight Against Cartels,* Lima, Peru

**Ogos** 02-04
*AANZFTA Competition Law Implementation Program (CLIP) Cartel Investigations Module One Workshop,* Hoi An, Vietnam

**Okt** 03-05
*ICN 2016 Cartel Workshop,* Madrid, Sepanyol



**Sep** 28-29
*The Competition Analysis of Vertical Restraints,* Jakarta, Indonesia



**Okt** 17-21
Sesi ke-15 *Intergovernmental Group of Experts (IGE) on Consumer Protection Law and Policy* & Sesi ke-15 *Intergovernmental Group of Experts on Competition Law and Policy,* Geneva, Switzerland

**Okt** 25-26
*Second Brainstorming Meeting to Monitor the Effectiveness of CPL,* Jakarta, Indonesia

**Okt** 25-27
Bengkel *Investigation Module One Workshop,* Kuala Lumpur

**Dis** 01-02
*The 15th OECD Global Forum on Competition,* Paris, Perancis

**Dis** 06-08
Bengkel Undang-undang Persaingan mengenai *Information Exchange,* Seoul, Korea

# MESYUARAT ANTARABANGSA

**Jan** 25-27
*3rd Sub-WG on Website Meeting & 5th AEGC Sub-WG on Regional Advocacy Meeting*, Jakarta, Indonesia

**Mac** 22-23
Mesyuarat ke-17 *ASEAN Experts Group on Competition and Related Meetings (AEGC)*, Vientiane, Laos

**Mac** 22-24
*8th Project Steering Committee (PSC) Meeting*, Vientiane, Laos

**Apr** 06-08
*American Bar Association Section of Antitrust Law: 64th Annual Spring Meeting*, Washington D.C., Amerika Syarikat

**Sep** 07-09
*12th East Asia Top Level Official's Meeting on Competition Policy (EATOP) & 9th Seoul International Competition Forum*, Seoul, Korea

**Nov** 22-25
*18th AEGC* & Mesyuarat-mesyuarat berkaitan, Luang Prabang, Laos



# LAWATAN KERJA KE MyCC







Sepanjang tahun 2016, MyCC telah menerima tiga kunjungan hormat daripada beberapa organisasi antarabangsa, termasuk rakan-rakan agensi persaingan luar negara dan ahli-ahli akademik. Pada 28 Oktober 2016, *Australian Competition and Consumer Commission (ACCC), Vietnam Competition Authority (VCA)* dan *Vietnam Competition Council (VCC)* telah berkunjung hormat ke MyCC. Pada 10 November 2016, MyCC menerima wakil-wakil dari *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)*. Pada 9 Disember 2016, *ACCC* berkunjung hormat sekali lagi, diketuai oleh Prof. Deborah Healey dari University of New South Wales.



## KAJIAN PASARAN

MyCC telah melengkapkan dua kajian pasaran dalam tempoh lima tahun yang lalu; satu daripadanya adalah Penetapan Harga dan Skala Yuran oleh Badan-badan Profesional di bawah Akta Persaingan 2010 dan juga Pasaran Daging Ayam Domestik. Kajian-kajian pasaran ini telah membawa impak yang besar dan menjadi panduan bagi MyCC.

Pada tahun 2016, MyCC telah meningkatkan tahap usahanya dengan menjalankan kajian terhadap sektor farmaseutikal daripada perspektif undang-undang persaingan.



MyCC memulakan kajian pasaran terhadap sektor farmaseutikal yang merupakan sektor pertama daripada lima sektor utama yang bakal dikaji oleh MyCC bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11). Kajian pasaran ini akan memberi MyCC pemahaman yang lebih mendalam tentang struktur pasaran, rantai nilai dan amalan-amalan antipersaingan dalam sektor ini. Penemuan-penemuan daripada kajian pasaran ini akan memperkukuhkan lagi penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 dengan lebih berkesan bagi menggalakkan persaingan sihat dalam sektor farmaseutikal di Malaysia.



Mesyuarat bersama Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia, 19-22 September 2016



Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal MyCC bagi Kajian Pasaran, 23 September 2016

# PROMOSI DAN PERHUBUNGAN AWAM

MyCC memainkan peranan penting serta aktif dalam memastikan bahawa sektor-sektor kerajaan dan swasta, terutamanya perniagaan, serta masyarakat umum dimaklumkan tentang perkembangan-perkembangan terkini mengenai undang-undang dan polisi persaingan, di samping menggalakkan pasaran yang lebih terbuka dan berdaya saing. Pada tahun 2016, inisiatif yang dijalankan termasuklah penglibatan di dalam beberapa program publisiti seperti menjalankan pameran-pameran berkenaan persaingan, aktiviti-aktiviti promosi melalui wawancara dan temu bual di media massa elektronik (televisyen dan radio), mengeluarkan kenyataan akhbar melalui media cetak dan juga publisiti atas talian melalui media sosial, serta membuat hebahan maklumat melalui portal rasmi MyCC. Di samping itu, MyCC juga menerbitkan bahan-bahan pendidikan dan advokasi berkenaan dengan AP 2010 dan undang-undang persaingan, serta menyediakan bahan-bahan dan kandungan untuk tujuan promosi melalui pameran, media massa dan sebagainya.



Temuramah KPE bersama Utusan dan Mingguan Malaysia, 22 September



Kursus Latihan Media mengenai Akta Persaingan 2010, 14 Disember

## Laman Sesawang Rasmi dan Platform Media Sosial MyCC

Laman sesawang rasmi MyCC, http://www.mycc.gov.my/, menghubungkan MyCC dengan pihak-pihak lain yang berminat untuk menyebarkan dan berkongsi maklumat yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti MyCC, terutamanya dalam aspek undang-undang dan penguatkuasaan.

Laman sesawang rasmi MyCC dilancarkan pada bulan September 2011, menjadi sumber maklumat dan rujukan utama berkenaan undang-undang persaingan negara. Di samping itu, MyCC telah mengambil langkah untuk memanfaatkan penglibatan orang ramai melalui platform media sosial seperti laman Facebook MyCC, Twitter dan YouTube, serta melalui Instagram. Platform-platform ini ialah saluran sokongan komunikasi, advokasi serta pendedahan jenama, sebagai tambahan kepada laman sesawang rasmi MyCC.

Sumber-sumber media sosial MyCC termasuklah laman Facebook dan Instagram, serta Twitter dan YouTube, boleh didapati di alamat-alamat berikut:

- https://www.facebook.com/theMyCC/
- https://www.twitter.com/theMyCC
- https://www.instagram.com/themycc/
- https://www.youtube.com/user/MyCompetitionNews

# BERITA MyCC

Menggalakkan Persaingan, Melindungi Anda



MyCC investigating general insurers for price-fixing

BY AHMAD NAQIB IDRIS

7 syarikat farmaseutikal disiasat

Agencies to follow procurement process

Ministry says bid rigging must be curbed

# Megasteel didn't infringe Competition Act

**PETALING JAYA:** The Malaysia Competition Commission (MyCC) has reiterated that Lion Corp Bhd's 78.89%-owned indirect subsidiary Megasteel Sdn Bhd did not infringe the Competition Act 2010 by abusing its dominant position as had been decided earlier on April 15.

This is following complainant Melewar Industrial Group Bhd filing a notice of appeal to the competition appeal tribunal against the finding of non-infringement on May 13.

"Megasteel has been advised that the finding of the non-infringement is correct and that the appeal by Melewar Industrial Group is baseless and without merit," Lion Corp said in a filing with Bursa Malaysia.

Lion Corp had announced to Bursa Malaysia in November 2013 that MyCC had issued the "proposed decision" that Megasteel, which makes hot and cold-rolled coils, had abused its dominant position "by charging or imposing a price for its hot-rolled coils that amounts to a margin squeeze that produces anti-competitive effects in the cold-rolled coil market".

MyCC had then imposed a financial penalty of RM4.5mil on Megasteel.

## MyCC siasat beberapa syarikat insurans am

## 大马竞争法4年解决250宗投诉





不是仅限串通投标

## Understand the Competition Law better, SMEs urged

**KUALA LUMPUR:** Small and medium enterprises (SMEs) should understand the Competition Law better, as this would enable them to reap the tremendous opportunities available and gain higher profits, while taking businesses to a higher level.

SME Corporation Malaysia CEO Datuk Dr Hafsah Hashim said by doing so, it would indirectly help SMEs understand "the rules of game" for competing in the current competitive international market, and especially for those involved in e-commerce.

"(As) they open up to the world, there is a need to understand how to benefit from this law in competing not just with other SMEs, but also bigger businesses," she told Bernama.

She was met on the sidelines of the "Helping Malaysian SMEs Understand The Competition Law" seminar, jointly organised by SME Corp and the Malaysia Competition Commission (MyCC), here yesterday.

The Competition Law, under the Competition Act 2010, deters large or small firms from colluding among themselves in fixing their selling price above the actual market price, thereby inflating the price of goods and services.

The Act also deters those intending to fix their selling price too low with the intention of killing off their competitors, which are mainly the small-sized SMEs and microenterprises that usually have a higher cost structure.

Besides that, the Act also deters trade associations from agreeing among themselves to raise prices arbitrarily.

Hafsah said with better understanding of the Competition Law, SMEs could enjoy a stronger corporate culture and employee commitment to business integrity, which would enhance a company's reputation.




刻调查药剂业领域

# Moot court champions



(From left) Hanan Khaleeda, Vinodhan, Sharon, Nadiah Aiman and Lisa Natasha won RM3,000 in the competition.

THE team from Universiti Malaya's Faculty of Law has emerged winners of the First Moot Court Competition on Competition Law.

The UM team consisted of law students Hanan Khaleeda Fadzil, Nadiah Aiman Nazri, Lisa Natasha Fakhrul Hamdi, Vinodhan Kuppusamy and Sharon Kaur Jessy.

They faced the team from the International Islamic University Malaysia in the finals and won on a unanimous verdict. Sharon was also awarded the Final's Best Oralist award.

The champion team won RM3,000 in the competition.

Sharon said the team attributes their success to the continuous support from Faculty of Law dean Assoc Prof Dr Johan Shamsuddin Sabaruddin, deputy dean Dr Nadhratul Wardah Salman and moot coordinator Steward Manley.

"They have consistently encouraged students to take part in extra-curricular activities such as moots," she said.

A moot court competition imitates proceedings followed in real courts, simulating a real court environment where participants will have to adhere to court decorum and procedure. It is a legal debate between two teams who will be evaluated by legal practitioners.

It was organised by the Malaysian Competition Commission (MyCC) and held from Oct 17 to 18.

# MyCC fines MyEG RM2.27mil

**KUALA LUMPUR:** The Malaysia Competition Commission (MyCC) has fined MY E.G. Services Bhd (MyEG) RM2.272mil for abusing its dominant position in how it manages online foreign workers permit (PLKS) renewals.

In a statement, MyCC said by virtue of their shareholdings and directorships, MyEG and MY E.G. Commerce Sdn Bhd (MyEG Commerce) were a single economic unit as defined under the Competition Act 2010. MyEG Commerce is 100% owned by MyEG.

MyCC said it found that MyEG, together with MyEG Commerce, had infringed the Act by "abusing its dominant position in harming competition in the downstream market in which MyEG Commerce is participating as an insurance agent for online PLKS renewal applications."

The competition authority said different conditions were imposed to equivalent transactions with its competitors to the extent that it had harmed competition in the downstream market for the sale of mandatory insurances.

The RM2.272mil financial penalty imposed on MyEG comprises a fine of RM307,200 for the infringement periods over several months last year, as well as a daily penalty of RM7,500 from Oct 7, 2015, to the date of MyCC's decision (June 24).

The Commission also imposes several remedial actions on MyEG, for which non-compliance may lead to a higher daily penalty for the subsequent period of non-compliance.

# Ahli perniagaan perlu ada etika



**MUKADIMAH**

[illegible]



依斯干达

# 竞委会查大企业商品定价

（吉隆坡14日讯）马来西亚竞争委员会（MyCC）明年将把执法焦点对准大企业。

这项行动是要加强企业界的认知，有助促进经济发展和维护消费人利益。

马来西亚竞争委员会调查及执法主任依斯干达说，从2013年至今，总共对付6家违反2010年竞争法令的企业，总罚款近2500万令吉。

他说，当中70%违例案件跟"定价"有关。

他说，单是今年，就已接获48宗疑是违反2010年竞争法令的投诉。

依斯干达今日在马来西亚新闻学院（MPI）和马来西亚竞争委员会联办2010年竞争委员会法令媒体课程上授课後，接受记者访问发表谈话。

依斯干达指出，竞争委员会目前专注于普通保险、运输、药剂业对竞争法令的遵从。

"有关马航和亚航受到对付的案件，亚航在竞争上诉仲裁庭上诉成功。

"我们已向吉隆坡高庭提出司法检讨。"

# 競爭委會：2012年至今 接31涉及藥劑業投訴

（吉隆坡10日讯）马来西亚竞争委员会（MyCC）总执行长拿督阿布沙马说，自推出2010年竞争法令，该会从2012年至今，共接获31宗与药剂业有关的投诉，目前11宗案件仍在调查中，20宗投诉案件已解决。

他指出，有关11宗还在调查的案件中，有7间本地公司涉及；至于，涉及多少家国外公司，则不便透露。

"大部分投诉者指，以私人企域或医院所售卖的药物价格过高，而竞争委员会在接获投诉后，将进行市场调查，包括标价等情况。"

阿布沙马今日出席马来西亚竞争委员会主办药剂领域竞争法令论坛后，在记者会上，这么指出；出席者包括国内贸易、合作社及消费部秘书长拿督嘉米尔沙烈、马来西亚竞争委员会主席丹斯里西蒂诺玛雅古等。

国内贸易、合作社及消费部长拿督韩沙再努丁说，药剂业对于我国而言相当重要，因关系著人民卫生与健康，为此，该行业从2005年至2014年，占国内生产总值（GDP）3%。

他指出，在政府推行的经济转型执行方案（ETP）改革下，估计直到2018年，该行业将贡献国内生产总值达8.2%。

## 马航亚航违竞争法案
# 竞争委会准挑战仲裁庭

（吉隆坡25日讯）高庭今天批准大马竞争委员会，挑战仲裁庭撤销该委员会对两间国内航空公司施予各1000万令吉罚款的裁决。

大马竞争委员会指马航和亚航违反2010年竞争法令的共享市场禁令，而向两家航空施予上述罚款，竞争上诉仲裁庭于2月4日撤销该委员会的罚款。

亚航代表律师伦纳德·杨（译音）对记者说，法庭认为大马竞争委员会的申请涉及公众利益，因此批准该委员会的司法检讨申请。

他指出，法官拿督慕哈斯末在内庭会见他和大马竞争委员会代表律师张志英（译音）后，择订8月15日进行案件管理。

大马竞争委员会发现两家航空公司签署共享大马国内航空载运服务领域市场的协议，指已违反2010年竞争法令的第4（2）（b）条文，即共享航空运输服务领域市场的禁令。

竞争委员会本来有权对抵触该法令的航空公司施以占其全球总收入10%的罚款，惟该委员会考虑到这两家航空公司在调查期间充分给予配合，因而降低罚款金额。

1000万令吉的罚款是按照马航和亚航在2012年1月1日至4月30日4个月期间，在四个国内航线即吉隆坡-亚庇、吉隆坡-古晋、吉隆坡-山打根和吉隆坡-诗巫航班所赚取的营业额计算。



# PENYATA
## Kewangan



# SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 5 hingga 19.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713).

**Asas Kepada Pendapat**

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Persaingan Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

# SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Anggota Suruhanjaya Suruhanjaya Persaingan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713). Anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Persaingan Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

# SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya Persaingan Malaysia.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Persaingan Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Anggota Suruhanjaya, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

# SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713) untuk disimpan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713).

**Hal-hal Lain**

a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 4 kepada penyata kewangan, Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah menerima pakai piawaian perakaunan *Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS)* mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Anggota Suruhanjaya terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

b. Laporan ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

**(MOHD NASRI BIN MOHD NASIR)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
10 OGOS 2017

# PENYATA AHLI LEMBAGA

MyCC

**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA**
**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**

Kami **YB CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH dan DATO' JAGJIT SINGH A/L BANT SINGH** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Suruhanjaya **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Suruhanjaya, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA** pada **31 DISEMBER 2016** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

**YB CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH**

PENGERUSI
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA

TARIKH: 20 JULAI 2017
TEMPAT: KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga,

**DATO' JAGJIT SINGH A/L BANT SINGH**
ANGGOTA
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA

TARIKH: 20 JULAI 2017
TEMPAT: KUALA LUMPUR

Suruhanjaya Persaingan Malaysia
Malaysia Competition Commission (MyCC)
[illegible]
Tel : [illegible]
Faks : [illegible]
www.mycc.gov.my

# PENGAKUAN BERKANUN

MyCC

**PENGAKUAN OLEH KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**

Saya, **DATO' ABU SAMAH BIN SHABUDIN**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )
diakui oleh penama di atas )
di ..........KUALA LUMPUR.......... )
pada ..........20 JUL 2017.......... )

..........................................

**DATO' ABU SAMAH BIN SHABUDIN**
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA

PESURUHJAYA SUMPAH
MALAYSIA
No. W607
Nama: GURDEEP SINGH

..........................................
**PESURUHJAYA SUMPAH**

5B, JALAN RAKYAT
( JALAN TRAVERS )
BRICKFIELDS
60470 KUALA LUMPUR

Suruhanjaya Persaingan Malaysia
Malaysia Competition Commission (MyCC)

# LEMBARAN IMBANGAN

**PADA 31 DISEMBER 2016**

| | Nota | 2016<br>RM | 2015<br>RM<br>(Dinyatakan semula) |
|---|---|---|---|
| **ASET BUKAN SEMASA** | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 7 | 1,066,940 | 1,085,180 |
| **Jumlah Aset Bukan Semasa** | | 1,066,940 | 1,085,180 |
| **ASET SEMASA** | | | |
| Deposit dan Prabayar | 8 | 207,450 | 213,829 |
| Faedah Terakru | | 496,056 | 109,493 |
| Pelbagai Penghutang | | 23,663 | 26,495 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai | 9 | 23,031,854 | 24,273,486 |
| **Jumlah Aset Semasa** | | 23,759,023 | 24,623,303 |
| **JUMLAH ASET** | | 24,825,963 | 25,708,483 |
| **EKUITI** | | | |
| Lebihan Terkumpul | | 24,082,504 | 25,573,671 |
| **JUMLAH EKUITI** | | 24,082,504 | 25,573,671 |
| **LIABILITI BUKAN SEMASA** | | | |
| Geran Kerajaan Tertunda | 10 | 593,205 | - |
| **Jumlah Liabiliti Bukan Semasa** | | 593,205 | - |
| **LIABILITI SEMASA** | | | |
| Pemiutang | 11 | 150,254 | 134,812 |
| **Jumlah Liabiliti Semasa** | | 150,254 | 134,812 |
| **JUMLAH LIABILITI** | | 743,459 | 134,812 |
| **JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI** | | 24,825,963 | 25,708,483 |

# PENYATA PENDAPATAN

**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

| | Nota | 2016<br>RM | 2015<br>RM<br>(Dinyatakan semula) |
|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | |
| Pemberian daripada Kerajaan | | 4,518,955 | 4,600,000 |
| Faedah Simpanan Tetap | 12 | 811,881 | 856,954 |
| Yuran Permohonan Pengecualian | | - | 20,000 |
| Faedah Bank | | 12,508 | 12,506 |
| Yuran Seminar | | 57,226 | 6,312 |
| Denda dan Hukuman | | 674,882 | 141,580 |
| **Jumlah Pendapatan** | | **6,075,452** | **5,637,352** |
| | | | |
| **PERBELANJAAN** | | | |
| Emolumen | | 3,223,398 | 2,811,289 |
| Perjalanan dan Penginapan | | 109,547 | 144,700 |
| Utiliti dan Komunikasi | | 86,747 | 238,827 |
| Sewa | | 1,005,561 | 930,118 |
| Susutnilai | 7 | 249,825 | 234,203 |
| Perbelanjaan Pentadbiran | 13 | 214,862 | 194,478 |
| Perbelanjaan Perkhidmatan | | 719,355 | 343,823 |
| Gaji dan Elaun Anggota Suruhanjaya | | 594,284 | 662,301 |
| Keraian, Honorarium dan Sumbangan | | 46,790 | 76,279 |
| Perbelanjaan Pembangunan | 14 | 1,209,455 | 1,423,958 |
| Perbelanjaan Pembangunan - Kajian Farmaseutikal | 15 | 106,795 | - |
| **Jumlah Perbelanjaan** | | 7,566,619 | 7,059,976 |
| **Kurangan Pendapatan Sebelum Cukai** | | (1,491,167) | (1,422,624) |
| **Cukai Pendapatan** | 16 | - | - |
| **KURANGAN PENDAPATAN** | | (1,491,167) | (1,422,624) |

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI

**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

| | Lebihan Terkumpul<br>RM<br>(Dinyatakan semula) |
|---|---|
| **Pada 1 Januari 2015** | 26,996,295 |
| Kurangan Pendapatan | (1,422,624) |
| **Baki pada 31 Disember 2015** | **25,573,671** |
| Kurangan Pendapatan | (1,491,167) |
| **Baki pada 31 Disember 2016** | **24,082,504** |

# PENYATA ALIRAN TUNAI

**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

| | 2016<br>RM | 2015<br>RM<br>(Dinyatakan semula) |
|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI** | | |
| Kurangan Pendapatan | (1,491,167) | (1,422,624) |
| Pelarasan: | | |
| Susutnilai | 249,825 | 234,203 |
| Faedah Simpanan Tetap dan Faedah Bank | (811,881) | (856,954) |
| KURANGAN PENDAPATAN SEBELUM PERUBAHAN DALAM MODAL KERJA | (2,053,223) | (2,045,375) |
| Pengurangan/(Penambahan) Deposit dan Prabayar | 6,379 | (280) |
| Pengurangan Pelbagai Penghutang | 2,832 | 607 |
| Penambahan/(Pengurangan) Pelbagai Pemiutang | 608,647 | (301,531) |
| TUNAI BERSIH DIGUNAKAN BAGI AKTIVITI OPERASI | (1,435,365) | (2,346,579) |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN** | | |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan | (231,585) | (48,369) |
| Faedah Simpanan Tetap dan Faedah Bank Diterima | 425,318 | 942,238 |
| TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI PELABURAN | 193,733 | 893,869 |
| PENGURANGAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI | (1,241,632) | (1,452,710) |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN | 24,273,486 | 25,726,196 |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN** | 23,031,854 | 24,273,486 |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DIWAKILI OLEH:** | | |
| Wang Tunai dan Baki Bank | 4,034,466 | 461,208 |
| Simpanan Tetap | 18,997,388 | 23,812,278 |
| | 23,031,854 | 24,273,486 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 1 Maklumat Am

1.1 Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ditubuhkan pada 1 April 2011 di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713). Suruhanjaya Persaingan Malaysia merupakan agensi di bawah kawal selia Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan merupakan satu badan bebas yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010. Pada setakat 31 Disember 2016, Suruhanjaya ini menempatkan seramai 61 orang pegawai.

1.2 Suruhanjaya Persaingan Malaysia beroperasi di alamat Level 15, Menara SSM @ Sentral No.7, Jalan Stesen Sentral 5, 50623 Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan.

1.3 Penyata Kewangan Suruhanjaya adalah bagi tempoh bermula 1 Januari 2016 sehingga 31 Disember 2016.

1.4 Semua dasar perakaunan yang digunakan adalah bersamaan dengan dasar-dasar asas perakaunan.

1.5 Mata wang fungsian Suruhanjaya adalah Ringgit Malaysia ("RM"), di mana setiap operasi dan transaksi adalah dalam RM. Bagi tujuan penyata kewangan ia dicatatkan dalam RM, yang merupakan mata wang fungsian Suruhanjaya.

## 2 Aktiviti Utama

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bertanggungjawab menjalankan fungsi-fungsi seperti melaksana dan menguatkuasakan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, mengeluarkan garis panduan berhubung perlaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan, bertindak sebagai penyokong untuk hal-hal berkaitan persaingan, menjalankan kajian am berhubung isu-isu yang berkaitan dengan persaingan dalam ekonomi Malaysia atau sektor-sektor ekonomi tertentu di Malaysia, memaklum dan mendidik orang awam berkenaan cara-cara yang mana persaingan boleh memberi faedah kepada pengguna dan juga ekonomi Malaysia.

## 3 Pembentangan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016 telah diluluskan oleh Anggota Suruhanjaya pada 20 Julai 2017.

## 4 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

4.1 Peralihan Kepada Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS)

Suruhanjaya telah menerima pakai Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) bagi rangka kerja pelaporan penyata kewangan tahun 2016. Tarikh peralihan kepada MPERS adalah pada 1 Januari 2015. Ini merupakan penyata kewangan yang pertama disediakan menggunakan MPERS. Bagi tahun-tahun kewangan sebelumnya, Suruhanjaya menerima pakai *Private Entities Reporting Standards* (PERS) sebagai piawaian perakaunan bagi rangka kerja pelaporan penyata kewangan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 4 Asas Penyediaan Penyata Kewangan (bersambung)

4.1 Peralihan Kepada Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) (bersambung)

Terdapat perbandingan yang dikesan hasil daripada peralihan pemakaian piawaian perakaunan MPERS bagi tahun 2016:

(a) Aset dan Liabiliti

Di bawah pemakaian MPERS bagi pelaporan penyata kewangan tahun 2016 aset dan liabiliti kewangan, Suruhanjaya mengenalpasti aset dan liabiliti kewangan sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan. Walaubagaimanapun, bagi pelaporan penyata kewangan yang disediakan menggunapakai PERS Suruhanjaya tidak mengenalpasti aset dan liabiliti kewangan seperti yang digariskan di dalam MPERS.

4.2 Perubahan dalam dasar perakaunan

Penggunaan MPERS memerlukan Suruhanjaya mengubah dasar perakaunannya bagi pengiktirafan dan pengukuran beberapa barangan. Suruhanjaya tidak terjejas hasil daripada penggunaan MPERS.

## 5 Dasar-dasar Perakaunan Utama

5.1 Asas Perakaunan

Penyata kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

5.2 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul. Hartanah, loji dan peralatan disusutnilai mengikut asas garis lurus berdasarkan tempoh anggaran hayat seperti berikut;

| | |
|---|---|
| Kenderaan bermotor | 20% |
| Peralatan pejabat dan perabot | 10% |
| Buku | 10% |
| Komputer | 10% |

5.3 Susutnilai Aset

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, aset akan dinilai sama ada terdapat sebarang tanda susutnilai aset. Sekiranya terdapat sebarang tanda sedemikian, anggaran bagi jumlah aset yang diperolehi semula akan dilakukan. Kerugian susutnilai akan diiktiraf jika jumlah dibawa sesebuah aset menjana tunainya melebihi jumlah aset yang diperolehi semula.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

**5 Dasar-dasar Perakaunan Utama (bersambung)**

5.3 Susutnilai Aset (bersambung)

Jumlah yang diperolehi semula bagi sesuatu aset adalah nilai penggunaan dan harga jualan bersih yang lebih besar di mana ia diukur dengan menggunakan nilai penggunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai semasanya.

Kerugian susutnilai nilai akan dicaj pada penyata pendapatan, kecuali terdapat pembalikan susutnilai. Kerugian susutnilai ditimbal balik hanya diiktiraf apabila jumlah aset dibawa tidak melebihi jumlah yang mungkin ditentukan sekiranya tiada kerugian susutnilai.

5.4 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki di bank dan simpanan tetap di institusi-institusi kewangan.

5.5 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbal kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori : aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosot nilai.

5.6 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan sebuah urusniaga pembiayaan bagi Suruhanjaya kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori : liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan, atau komitmen pinjaman diukur pada kos ditolak rosot nilai.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 5 Dasar-dasar Perakaunan Utama (bersambung)

### 5.7 Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, Suruhanjaya mengkaji semula nilai dibawa bagi aset kewangan bagi menentukan samada tardapat sebarang petunjuk rosot nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai yang diperolehi dengan membandingkan nilai dibawa dengan nilai yang boleh diperolehi. Nilai yang boleh diperolehi adalah nilai yang lebih tinggi antara harga jualan bersih dan nilai gunapakai yang ditafsirkan menggunakan anggaran aliran tunai hadapan didiskaunkan. Nilai yang boleh diperolehi akan ditentukan bagi setiap aset atau sekiranya tidak dapat ia akan ditentukan melalui unit janaan tunai yang dimiliki oleh aset berkenaan.

Kerugian rosot nilai diiktiraf di dalam penyata pendapatan sebagai perbelanjaan dalam tempoh ianya berlaku.

Pembalikan rosot nilai aset yang diiktiraf pada tahun lepas akan direkodkan sekiranya terdapat petunjuk bahawa rosot nilai yang diiktiraf pada tahun lepas tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Pembalikan nilai tersebut akan direkodkan sehingga amaun sebenar aset yang akan ditentukan (setelah ditolak susutnilai dan pelunasan nilai) sekiranya tiada kerugian susutnilai yang pernah direkodkan. Pembalikan nilai akan direkodkan terus di dalam penyata pendapatan.

### 5.8 Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu diukur pada nilai saksama aset yang diterima atau akan diterima dan diiktiraf dalam pendapatan apabila perolehan geran akan diterima.

Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu diiktiraf pada nilai saksama dalam pendapatan hanya apabila syarat-syarat prestasi telah dipenuhi.

Geran Kerajaan diterima sebelum kriteria pengiktirafan hasil dipenuhi diiktiraf sebagai liabiliti.

### 5.9 Pengiktirafan Pendapatan

Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah mendapat pemberian belanja mengurus sebanyak RM4,412,160 (2015 : RM4,600,000) bagi menampung tanggungan kewangan dan menerima peruntukan belanja pembangunan bagi pembangunan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebanyak RM700,000 (2015-Tiada pemberian belanja pembangunan disalurkan).

Pemberian daripada kerajaan yang diterima bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan dibuat serta diambil kira sebagai pendapatan apabila syarat geran telah dipenuhi.

Pendapatan faedah diiktiraf berasaskan kepada pembahagian masa dan kadar efektif yang menjangkaui tempoh matang.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

**5 Dasar-dasar Perakaunan Utama (bersambung)**

5.9 Pengiktirafan Pendapatan (bersambung)

Yuran Permohonan Pengecualian yang diterima adalah daripada entiti perniagaan yang memohon pengecualian daripada Akta Persaingan 2010.

Pendapatan faedah bank diiktiraf berasaskan akruan.

Yuran Seminar yang diterima adalah daripada pelaksanaan program seminar yang berkaitan dengan Akta Persaingan 2010.

Pendapatan Denda dan Hukuman merangkumi penalti kewangan yang dikenakan terhadap perusahaan atau syarikat atas pelanggaran syarat yang termaktub dalam Akta Persaingan 2010 (Akta 712). Jumlah penalti kewangan dikenakan adalah tidak melebihi 10% daripada keseluruhan pendapatan perusahaan atau syarikat sepanjang tempoh pelanggaran berlaku.

5.10 Manfaat Pekerja

i. Manfaat Jangka Pendek

Gaji, elaun, imbuhan, insentif dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun perkhidmatan yang berkaitan diberikan kepada pekerja.

5.11 Manfaat Pekerja

ii. Pelan Caruman Tetap

Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") wajib dicarumkan mengikut perundangan di Malaysia. Caruman diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan.

5.12 Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia bertujuan memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi untuk menjalankan operasinya dengan lancar. Suruhanjaya akan mempertimbangkan dan menilai risiko pengurusan kewangan yang dibangkitkan dari semasa ke semasa.

i. Risiko Kadar Faedah

Suruhanjaya membiayai operasinya dengan dana dalaman dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko kadar faedah dari pinjaman bank.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

**5 Dasar-dasar Perakaunan Utama (bersambung)**

5.12 Polisi Pengurusan Risiko Kewangan (bersambung)

ii. Risiko Kredit

Suruhanjaya tidak berurus niaga secara kredit yang material dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko kredit.

iii. Risiko Pertukaran Mata Wang Asing

Suruhanjaya tidak mempunyai urus niaga pertukaran mata wang asing dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko pertukaran mata wang asing.

iv. Risiko Mudah Tunai

Suruhanjaya mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang berhemah bagi meminimakan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan serta untuk mewujudkan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

v. Risiko Tindakan Guaman

Subseksyen 3(3) Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713) menyatakan Suruhanjaya boleh disaman atas namanya manakala Subseksyen 3(4) memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk membuat kontrak. Suruhanjaya boleh dikenakan tindakan guaman oleh pihak ketiga sekiranya Suruhanjaya melanggar kontrak atau mana-mana prosidur di bawah Akta 712 dan Akta 713.

5.13 Cukai Pendapatan

Selepas daripada tempoh pengecualian cukai pendapatan yang diterima oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia selama lima tahun bermula dari tahun taksiran 2011 hingga 2015, Suruhanjaya Persaingan Malaysia adalah tertakluk bagi pembayaran cukai pendapatan yang diterima bermula daripada tahun 2016.

5.14 Kemungkinan Luar Jangka

Terdapat kemungkinan pemindahan manfaat ekonomi kepada pihak ketiga sekiranya rayuan dibuat terhadap keputusan Suruhanjaya. Oleh itu, maklumat kemungkinan luar jangka seperti yang diperlukan di bawah 'Seksyen 21 Kemungkinan Luar Jangka' tidak didedahkan atas alasan ia boleh menjejaskan keputusan prosiding guaman tersebut.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

**5 Dasar-dasar Perakaunan Utama (bersambung)**

5.15 Peruntukan

Peruntukan liabiliti diiktiraf apabila Suruhanjaya mempunyai tanggungan semasa hasil daripada peristiwa lampau dan ini memungkinkan aliran keluar sumber-sumber yang merangkumi faedah-faedah ekonomi akan diperlukan bagi menjelaskan tanggungan dan anggaran jumlah boleh dibuat. Peruntukan ditinjau semula pada tarikh penyata kewangan dan diubahsuai bagi menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Apabila kesan masa nilai wang adalah kebendaaan, peruntukan dipotong menggunakan kadar sebelum cukai semasa yang ditunjukkan, jika berkenaan, risiko tertentu kepada liabiliti. Apabila potongan digunakan, peningkatan kepada peruntukan akibat daripada tempoh masa diiktiraf sebagai kos kewangan. Peruntukan untuk kos penstruktuan semula diiktiraf dalam tempoh di mana Suruhanjaya menjadi sah atau komited untuk membayar.

5.16 Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

Setiap hasil, perbelanjaan dan juga aset diiktiraf bersih daripada GST. Jumlah GST tidak dituntut dan diiktiraf sebagai perbelanjaan atau sebahagian daripada kos perolehan aset.

**6 Anggaran dan Penilaian Perakaunan**

6.1 Anggaran Perakaunan

Pengukuran aset dan liabiliti memerlukan pengurusan untuk membuat anggaran berdasarkan pemantauan dan andaian lain yang difikirkan wajar. Antara perkara yang tertakluk kepada ketidakpastian anggaran adalah dalam mengukur:

i. Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

Kos Hartanah, Loji dan Peralatan disusutnilai yang menggunakan kaedah penyusutan garis lurus atau kaedah lain memberi kesan kepada manfaat ekonomi yang diperolehi sepanjang tempoh penggunaan hartanah, loji dan peralatan. Anggaran digunakan dalam membuat pemilihan kaedah susutnilai, hayat penggunaan dan nilai sisa hartanah, loji dan peralatan tersebut. Manfaat ekonomi sebenar yang digunakan daripada hartanah, loji dan peralatan mungkin berbeza daripada anggaran yang dijangka dan ini boleh memberi kesan keuntungan atau kerugian sekiranya hartanah, loji dan peralatan tersebut dilupuskan.

ii. Pengiraan Cukai Pendapatan

Pertimbangan adalah penting dalam menentukan cukai semasa dan cukai tertunda Suruhanjaya oleh kerana cukai muktamad bagi Suruhanjaya secara keseluruhan adalah tidak menentu. Apabila keputusan akhir cukai yang perlu dibayar telah ditentukan oleh pihak berkuasa, jumlah berkenaan mempunyai kebarangkalian berbeza daripada anggaran awal cukai yang perlu dibayar. Perbezaan tersebut boleh memberi kesan kepada cukai semasa dan cukai tertunda pada tempoh pengiraan dibuat. Suruhanjaya akan mengambil kira perbezaan berkenaan sama ada ia terlebih atau terkurang pada cukai semasa atau cukai tertunda dalam tempoh perbezaan tersebut dikenalpasti.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 7 Hartanah, Loji dan Peralatan

| | Kenderaan Bermotor | Perabot dan Kelengkapan Pejabat | Buku | Komputer | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM |
| **Kos** | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2016 | 519,366 | 240,836 | 279,383 | 796,422 | 1,836,007 |
| Tambahan/(Pengurangan) Tahun Semasa | 150,000 | 13,598 | (3,070) | 71,057 | 231,585 |
| Baki pada 31 Disember 2016 | 669,366 | 254,434 | 276,313 | 867,479 | 2,067,592 |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2016 | 402,040 | 65,546 | 70,019 | 213,222 | 750,827 |
| Susutnilai Tahun Semasa | 110,843 | 25,443 | 26,791 | 86,748 | 249,825 |
| Baki pada 31 Disember 2016 | 512,883 | 90,989 | 96,810 | 299,970 | 1,000,652 |
| **Nilai Buku Bersih** | 156,483 | 163,445 | 179,503 | 567,509 | 1,066,940 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 7 Hartanah, Loji dan Peralatan (bersambung)

| | Kenderaan Bermotor | Perabot dan Kelengkapan Pejabat | Buku | Komputer | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM |
| **Kos** | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2015 | 519,366 | 211,113 | 279,383 | 777,776 | 1,787,638 |
| Tambahan Tahun Semasa | - | 29,723 | - | 18,646 | 48,369 |
| Baki pada 31 Disember 2015 | 519,366 | 240,836 | 279,383 | 796,422 | 1,836,007 |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2015 | 298,167 | 42,796 | 42,081 | 133,580 | 516,624 |
| Susutnilai Tahun Semasa | 103,873 | 22,750 | 27,938 | 79,642 | 234,203 |
| Baki pada 31 Disember 2015 | 402,040 | 65,546 | 70,019 | 213,222 | 750,827 |
| **Nilai Buku Bersih** | 117,326 | 175,290 | 209,364 | 583,200 | 1,085,180 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

| 8 Deposit dan Prabayar | 2016<br>RM | 2015<br>RM<br>(Dinyatakan semula) |
|---|---|---|
| Deposit elektrik | 71,850 | 71,850 |
| Deposit sewa ruang pejabat | - | 13,200 |
| Lain-lain deposit dan cagaran | 131,380 | 124,302 |
| Prabayar | 4,220 | 4,477 |
| | 207,450 | 213,829 |

| 9 Tunai dan Kesetaraan Tunai | 2016<br>RM | 2015<br>RM |
|---|---|---|
| **a) Wang Tunai dan Baki Bank** | | |
| Tunai dalam tangan dan bank | 3,210 | 1,971 |
| Akaun Semasa CIMB (Mengurus) | 3,172,347 | 198,219 |
| Akaun Semasa CIMB (Pembangunan) | 858,909 | 261,018 |
| | 4,034,466 | 461,208 |
| **b) Simpanan Tetap** | | |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia | 14,472,047 | 4,470,566 |
| Malaysia Building Society Berhad | 4,525,341 | 15,037,923 |
| HwangDBS Investment Bank Berhad | - | 4,303,789 |
| | 18,997,388 | 23,812,278 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai | 23,031,854 | 24,273,486 |

| 10 Geran Kerajaan Tertunda | 2016<br>RM | 2015<br>RM |
|---|---|---|
| Geran Kerajaan Tertunda | 593,205 | - |
| Jumlah Geran Kerajaan Tertunda | 593,205 | - |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

| 11 Pemiutang | 2016<br>RM | 2015<br>RM<br>(Dinyatakan semula) |
|---|---|---|
| Lain-lain Pemiutang | 150,254 | 134,812 |
| Jumlah Pemiutang | 150,254 | 134,812 |

| 12 Faedah Simpanan Tetap | 2016<br>RM | 2015<br>RM<br>(Dinyatakan semula) |
|---|---|---|
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia | 524,977 | 159,846 |
| Malaysia Building Society Berhad | 230,636 | 541,700 |
| HwangDBS Investment Bank Berhad | 56,267 | 155,408 |
| | 811,881 | 856,954 |

Kadar faedah bagi simpanan tetap adalah di antara 3.15% - 4.30% dan tempoh simpanan adalah di antara 1 hari hingga 12 bulan.

| 13 Perbelanjaan Pentadbiran | 2016<br>RM | 2015<br>RM |
|---|---|---|
| Minyak Petrol | 27,550 | 19,190 |
| Perbelanjaan Pejabat | 187,312 | 172,114 |
| Lain-lain Cukai | - | 3,174 |
| | 214,862 | 194,478 |

| 14 Perbelanjaan Pembangunan | 2016<br>RM | 2015<br>RM<br>(Dinyatakan semula) |
|---|---|---|
| Latihan Pembangunan Kapasiti | 642,092 | 326,757 |
| Program Advokasi | 193,096 | 104,199 |
| Penguatkuasaan dan Penyiasatan | 3,250 | 22,233 |
| Perancangan Media dan Komunikasi | 278,539 | 566,648 |
| Perundangan | 92,478 | 404,121 |
| | 1,209,455 | 1,423,958 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

| **15 Perbelanjaan Pembangunan - Kajian** | 2016<br>RM | 2015<br>RM<br>(Dinyatakan semula) |
|---|---|---|
| **Farmaseutikal** | | |
| Kajian Farmaseutikal | 106,795 | - |
| | 106,795 | - |

**16 Cukai Pendapatan**

Penyesuaian perbelanjaan cukai pendapatan ke atas kerugian sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai efektif pendapatan Suruhanjaya adalah seperti berikut:

| | 2016<br>RM |
|---|---|
| Kerugian sebelum cukai | (1,491,167) |
| Cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun | (357,880) |
| Perbelanjaan tidak boleh ditolak | 59,958 |
| Kerugian perniagaan yang boleh ditolak | 297,922 |
| | - |

Suruhanjaya telah memperoleh pengecualian cukai pendapatan selama lima tahun bermula dari tahun taksiran 2011 hingga 2015.

**17 Pihak Pengurusan Utama**

Pihak pengurusan utama merupakan mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, memberi arahan dan mengawal aktiviti-aktiviti Suruhanjaya secara langsung dan tidak langsung.

Jumlah emolumen dan elaun bagi pihak pengurusan utama bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 dan perbezaan bagi tahun sebelum adalah seperti berikut:

| | 2016<br>RM | 2015<br>RM |
|---|---|---|
| Jumlah Emolumen dan Elaun | 734,833 | 689,219 |
| | 734,833 | 689,219 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 18 Kes Perundangan

Suruhanjaya telah memfailkan permohonan bagi semakan kehakiman terhadap keputusan Tribunal Rayuan Persaingan pada 3 Mei 2016 bagi kes Malaysia Airlines System Berhad dan AirAsia Berhad. Tarikh pendengaran telah ditetapkan pada 15 Jun 2017.

Pihak MyEG telah memfailkan permohonan rayuan terhadap keputusan Suruhanjaya pada 22 Julai 2016 dan tarikh pendengaran bagi kes ini telah ditetapkan pada 17 dan 18 Julai 2017.

## 19 Angka Perbandingan

Angka-angka perbandingan telah diklasifikasikan semula seperti berikut:

| | 2015 | |
|---|---|---|
| | RM<br>Seperti Dilaporkan Semula | RM<br>Seperti Laporan Terdahulu |
| Deposit dan Prabayar | 213,829 | 213,830 |
| Faedah Terakru | 109,493 | 57,835 |
| Pemiutang | 134,812 | 158,911 |
| Lebihan Terkumpul | 25,573,671 | 25,497,915 |
| Perbelanjaan Pembangunan | 1,423,958 | 1,448,056 |
| Faedah Simpanan Tetap | 856,954 | 805,296 |
| Kurangan Pendapatan | (1,422,624) | (1,498,380) |